



**Fakulti Bahasa dan Komunikasi**

**ANALISIS EUFEMISME DALAM MASYARAKAT MELANAU  
DALAT BERDASARKAN SEMANTIK INKUISITIF**

**SHERILYNE BINTI BIYOL**

**(62509)**

**Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian**

**(Linguistik)**

**2020**

# **ANALISIS EUFEMISME DALAM MASYARAKAT MELANAU DALAT BERDASARKAN SEMANTIK INKUISITIF**

oleh

Sherilyne binti Biyol

62509

Projek tahun akhir ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
untuk Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian (Linguistik)

Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Universiti Malaysia Sarawak

2020

## **Pengisytiharan Keaslian Kerja**

**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

**Sila tandakan (√)**

Projek Tahun Akhir

☒

Sarjana

☒

PhD

☐

## **PENGAKUAN KEASLIAN HASIL KERJA**

Perakuan ini telah dibuat pada 27 Julai 2020.

### **Pengakuan Pelajar:**

Saya SHERILYNE BINTI BIYOL (62509) FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI dengan ini mengisytiharkan bahawa kerja bertajuk ANALISIS EUFEMISME DALAM MASYARAKAT MELANAU DALAT BERDASARKAN SEMANTIK INKUISITIF adalah kerja saya yang asli. Saya tidak meniru dari mana-mana hasil kerja pelajar yang lain atau dari mana-mana sumber lain kecuali dengan menyatakan sumber rujukan sewajarnya atau pengakuan telah dinyatakan dengan jelas dalam teks, dan tidak mempunyai mana-mana bahagian ditulis untuk saya oleh orang lain.

27 Julai 2020

Sherilyne binti Biyol (62509)

**Pengesahan Penyelia:**

Saya DAYANG SARIAH BINTI ABANG SUHAI dengan ini memperakui bahawa hasil kerja bertajuk ANALISIS EUFEMISME DALAM MASYARAKAT MELANAU DALAT BERDASARKAN SEMANTIK INKUISITIF telah disediakan oleh pelajar yang bernama di atas, dan telah diserahkan kepada FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI sebagai memenuhi sebahagian/penuh bagi penganugerahan IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA (LINGUISTIK) DENGAN KEPUJIAN dan kerja yang dinyatakan di atas, sepanjang pengetahuan saya, adalah hasil kerja pelajar tersebut.

Diterima untuk pemeriksaan oleh:

Tarikh:

\_\_\_\_\_  
(Puan Dayang Sariah binti Abang Suhai)

\_\_\_\_\_

Saya mengaku bahawa Projek/Tesis diklasifikasikan sebagai (Sila tandakan ( ✓ )) :

☐ **SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 )\*

☐ **TERHAD** (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan telah dijalankan)

☐ **AKSES TERBUKA**

### **Pengesahan Projek :**

Oleh itu, saya mengaku dan mengesahkan dengan sewajarnya dengan kebenaran dan kerelaan bahawa Projek/Tesis ini hendaklah diletakkan secara rasmi di Pusat Khidmat Maklumat Akademik dengan kepentingan undang-undang dan hak-hak seperti berikut:

- Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk membuat salinan Projek/Tesis bagi pertukaran akademik antara Institut Pengajian Tinggi.
- Tiada pertikaian atau apa-apa tuntutan yang dibuat sama ada oleh pelajar itu sendiri atau pihak ketiga terhadap Projek/Tesis ini apabila telah menjadi hak milik UNIMAS.
- Mana-mana bahan, data dan maklumat yang berkaitan dengan Projek/Tesis ini, tidak dibenarkan diedar, diterbit atau didedahkan kepada mana-mana pihak oleh pelajar melainkan dengan kebenaran UNIMAS.
- Projek/Tesis ini adalah harta undang-undang Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk membuat salinan bagi tujuan akademik dan penyelidikan sahaja dan bukan untuk tujuan lain.
- Pusat Khidmat Maklumat Akademik mempunyai hak yang sah untuk mendigitalkan kandungan tesis ini untuk Kandungan Pangkalan Data Tempatan

Tandatangan Pelajar:

---

Tandatangan Penyelia:

---

Alamat semasa pelajar:

Kampung Bungan Besar,  
96300 Dalat, Sarawak.

Nota: \*Jika Projek/Tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan bersama-sama surat daripada organisasi beserta sebab dan tempoh kerahsiaan dan sekatan.

[Instrumen ini disediakan oleh Pusat Khidmat Maklumat Akademik]

## **PENGHARGAAN**

Syukur kepada Tuhan, akhirnya saya berjaya menyiapkan kajian ini dengan. Segala sokongan dan bantuan daripada semua pihak amat saya hargai dengan ucapan ribuan terima kasih.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Puan Dayang Sariah binti Abang Suhai yang sangat membantu saya dalam menyiapkan kajian ini. Segala tunjuk ajar, nasihat dan sokongan daripada beliau amat saya hargai. Tanpa bantuan daripada beliau, agak sukar bagi saya untuk menyiapkan kajian yang mencabar ini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga saya tujukan kepada informan kajian ini yang berasal dari Kampung Bungan Besar dan Kampung Tanam dari daerah Dalat yang sanggup meluangkan masa dengan memberi data dan sumber bagi penganalisan data saya. Walaupun saya sudah mengganggu rutin harian mereka, tetapi mereka masih lagi mahu membantu saya dengan hasrat melihat saya berjaya membuat kajian ini.

Selain itu, penghargaan ini turut saya tujukan kepada para pensyarah lain dan rakan-rakan yang banyak membantu saya bagi menjayakan kajian ini. Banyak ilmu dan manfaat yang saya peroleh hasil daripada perbincangan dengan individu-individu yang terlibat. Tidak lupa juga kepada ibu bapa saya yang banyak memberi sokongan dan banyak mendoakan saya semasa kajian ini dijalankan. Akhir kata, semoga kajian ini memberi banyak manfaat kepada mana-mana pihak pada masa akan datang.

## ABSTRAK

Kajian ini melihat penggunaan eufemisme oleh masyarakat Melanau Dalat dalam pergaulan seharian. Penggunaan bahasa Melanau sepenuhnya sebagai medium komunikasi mereka mendorong pengkaji untuk menjadikan masyarakat di kawasan ini sebagai kawasan utama kajian. Pengkaji melihat bidang kajian semantik pada aspek yang lebih mendalam jarang ditemui dalam kajian Melanau. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti eufemisme dalam kalangan masyarakat Melanau Dalat dan menganalisis eufemisme tersebut menggunakan Semantik Inkuisitif. Dalam kajian ini, konsep penggunaan dan pengkategorian eufemisme berdasarkan Teori Allan & Burridge (1991) dijadikan sebagai panduan kutipan data seterusnya dianalisis menggunakan Teori Semantik Inkuisitif bagi melihat dengan lebih mendalam akal budi penutur masyarakat Melanau Dalat. Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif iaitu sebuah kajian lapangan untuk menjalankan kajian ini. Hasil kajian mendapati, sebanyak 36 data bagi bahasa halus yang berjaya dikumpul daripada dua informan. Hasil kajian turut menunjukkan bahawa penggunaan eufemisme dalam kalangan masyarakat ini banyak menggunakan benda yang ada dekat dengan diri mereka seperti kucing, *ulat mulong* dan lain-lain. Pengkaji berharap agar akan ada kajian lain yang merungkai eufemisme masyarakat Melanau Mukah, Matu Daro dan banyak lagi seterusnya meneliti sehingga ke akal budi penutur menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif.

Kata kunci: Eufemisme, Semantik Inkuisitif, Melanau Dalat,

## **ABSTRACT**

*This study identifies the use of euphemisms by the Melanau Dalat community in daily interactions. The use of Melanau language as their communication medium encourages researchers to make the community in this area as the main area of study. Researchers identify the field of semantic studies on deeper aspects rarely found in Melanau studies. The main objective of this study is to identify euphemisms among the Melanau Dalat community and analyze the euphemisms using Inquisitive Semantics. In this study, the concept of use and categorization of euphemisms by Allan & Burridge's Theory (1991) is used as a data collection guide and then analyzed using Inquisitive Semantic Theory to see more deeply the common sense of the Melanau Dalat community. This study is a qualitative research design that is a field study. The results of the study found out a total of 36 data for euphemisms were successfully collected from two informants. The results of the study also show that the use of euphemisms in this community uses a lot of things that are near to themselves such as cats, and others. The researcher hopes that there will be other studies that unravel the euphemisms of the Melanau Mukah, Matu Daro, and many more communities and then further research into the minds of the speakers using the Inquisitive Semantics approach.*

*Keywords: Euphemisms, Inquisitive Semantics, Melanau Dalat*



## Senarai kandungan

|                                            |                                          |                   |
|--------------------------------------------|------------------------------------------|-------------------|
| <b>Senarai kandungan</b>                   |                                          | <b>Muka surat</b> |
| <b>Pengisytiharan keaslian hasil kerja</b> |                                          |                   |
| <b>Penghargaan</b>                         |                                          | <b>i</b>          |
| <b>Abstrak</b>                             |                                          | <b>Ii</b>         |
| <b>Abstract</b>                            |                                          | <b>iii</b>        |
| <b>Senarai kandungan</b>                   |                                          | <b>v-vii</b>      |
| <b>Senarai jadual</b>                      |                                          | <b>vii-viii</b>   |
| <b>Senarai rajah</b>                       |                                          | <b>viii</b>       |
| <b>1. Pendahuluan</b>                      |                                          |                   |
| <b>1.1</b>                                 | <b>Pengenalan</b>                        | <b>1</b>          |
| <b>1.2</b>                                 | <b>Latar belakang kajian</b>             | <b>1-3</b>        |
| <b>1.2.1</b>                               | <b>Latar belakang masyarakat Melanau</b> |                   |
| <b>1.2.2</b>                               | <b>Latar belakang kawasan kajian</b>     |                   |
| <b>1.3</b>                                 | <b>Permasalahan kajian</b>               | <b>3-4</b>        |
| <b>1.4</b>                                 | <b>Tujuan kajian</b>                     | <b>4</b>          |
| <b>1.5</b>                                 | <b>Objektif kajian</b>                   | <b>4</b>          |
| <b>1.6</b>                                 | <b>Persoalan kajian</b>                  | <b>4</b>          |
| <b>1.7</b>                                 | <b>Definisi Operasional terma</b>        | <b>5-6</b>        |
| <b>1.7.1</b>                               | <b>Eufemisme</b>                         |                   |
| <b>1.7.2</b>                               | <b>Bahasa Melanau</b>                    |                   |
| <b>1.7.3</b>                               | <b>Semantik Inkuisitif</b>               |                   |
| <b>1.8</b>                                 | <b>Kepentingan kajian</b>                | <b>6-7</b>        |
| <b>1. Sorotan kajian</b>                   |                                          |                   |

|                             |                                                                                                                                          |       |
|-----------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------|
| 2.1                         | Pengenalan                                                                                                                               | 8     |
| 2.2                         | Kajian budaya Melanau                                                                                                                    | 8-9   |
| 2.3                         | Kajian linguistik Melanau                                                                                                                | 10-12 |
| 2.3.1                       | Kajian fonetik dan fonologi Melanau                                                                                                      |       |
| 2.3.2                       | Kajian sociolinguistik Melanau                                                                                                           |       |
| 2.3.3                       | Kajian semantik Melanau                                                                                                                  |       |
| 2.4                         | Kajian semantik inkuisitif                                                                                                               | 13    |
| 2.5                         | Kajian eufemisme                                                                                                                         | 14    |
| 2.6                         | Rumusan                                                                                                                                  | 15    |
| <b>2. Metodologi kajian</b> |                                                                                                                                          |       |
| 3.1                         | Reka bentuk penyelidikan                                                                                                                 | 16    |
| 3.2                         | Sampel dan persampelan (peserta)                                                                                                         | 16    |
| 3.3                         | Instrumen kajian                                                                                                                         | 17-19 |
| 3.4                         | Prosedur kutipan data                                                                                                                    | 20    |
| 3.5                         | Prosedur analisis data                                                                                                                   | 21    |
| 3.6                         | Batasan kajian                                                                                                                           | 21    |
| <b>3. Hasil kajian</b>      |                                                                                                                                          |       |
| 4.1                         | Pengenalan                                                                                                                               | 22    |
| 4.2                         | Pengkategorian eufemisme Melanau Dalam mengikut konsep penggunaan dan pengkategorian eufemisme berdasarkan teori Allan & Burridge (1991) | 22-23 |
| 4.2.1                       | Konsep kematian                                                                                                                          | 23    |
| 4.2.2                       | Konsep kemarahan                                                                                                                         | 24    |
| 4.2.3                       | Konsep ketakutan                                                                                                                         | 25-26 |

|                      |                                                                            |                                                                  |       |
|----------------------|----------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------|-------|
|                      | 4.2.4                                                                      | Konsep penyakit                                                  | 26    |
|                      | 4.2.5                                                                      | Konsep jantina                                                   | 27    |
|                      | 4.2.6                                                                      | Konsep anggota tubuh badan                                       | 28    |
|                      | 4.2.7                                                                      | Kebencian                                                        | 29    |
|                      | 4.2.8                                                                      | Kesimpulan                                                       | 30    |
| 4.3                  | Penganalisan makna eufemisme Melanau Dalat berdasarkan Semantik Inkuisitif |                                                                  | 30    |
|                      | 4.3.1                                                                      | Penganalisan makna eufemisme mengikut konsep kematian            | 31-32 |
|                      | 4.3.2                                                                      | Penganalisan makna eufemisme mengikut konsep kemarahan           | 33-37 |
|                      | 4.3.3                                                                      | Penganalisan makna eufemisme mengikut konsep ketakutan           | 37-43 |
|                      | 4.3.4                                                                      | Penganalisan makna eufemisme mengikut konsep penyakit            | 43-44 |
|                      | 4.3.5                                                                      | Penganalisan makna eufemisme mengikut konsep jantina             | 44-46 |
|                      | 4.3.6                                                                      | Penganalisan makna eufemisme mengikut konsep anggota tubuh badan | 47-48 |
|                      | 4.3.7                                                                      | Penganalisan makna eufemisme mengikut konsep kebencian           | 48-51 |
| 4.4                  | Perbincangan kajian                                                        |                                                                  | 52    |
| 4.5                  | Rumusan kajian                                                             |                                                                  | 53    |
| <b>4. Kesimpulan</b> |                                                                            |                                                                  |       |
| 5.1                  | Pengenalan                                                                 |                                                                  | 54    |
| 5..2                 | Rumusan kajian                                                             |                                                                  | 54    |
| 5.3                  | Implikasi kajian                                                           |                                                                  | 55    |

|         |                 |    |
|---------|-----------------|----|
| 5.4     | Cadangan kajian | 56 |
| 5.5     | Kesimpulan      | 56 |
| Rujukan |                 |    |

### Senarai jadual

| Jadual    | Perkara                                                                 | Muka surat |
|-----------|-------------------------------------------------------------------------|------------|
| Jadual 1  | Jumlah penduduk di Bahagian Mukah (2010)                                | 2          |
| Jadual 2  | Rangka soalan temu bual                                                 | 18-19      |
| Jadual 3  | Konsep kematian                                                         | 23         |
| Jadual 4  | Konsep kemarahan                                                        | 24         |
| Jadual 5  | Konsep ketakutan                                                        | 25-26      |
| Jadual 6  | Konsep penyakit                                                         | 26         |
| Jadual 7  | Konsep jantina                                                          | 27         |
| Jadual 8  | Konsep anggota tubuh badan                                              | 28         |
| Jadual 9  | Konsep kebencian                                                        | 29         |
| Jadual 10 | Makna eufemisme bagi konsep kematian ' <i>baai</i> '                    | 31         |
| Jadual 11 | Makna eufemisme bagi konsep kemarahan ' <i>luluhi</i> '                 | 33         |
| Jadual 12 | Makna eufemisme bagi konsep kemarahan ' <i>linga kanan</i> '            | 34         |
| Jadual 13 | Makna eufemisme bagi konsep kemarahan ' <i>belesuwie acin</i> '         | 36         |
| Jadual 14 | Makna eufemisme bagi konsep ketakutan ' <i>kain batik</i> '             | 37         |
| Jadual 15 | Makna eufemisme bagi konsep ketakutan ' <i>kayo paman</i> '             | 39         |
| Jadual 16 | Makna eufemisme bagi konsep ketakutan ' <i>manok owk pireng adeng</i> ' | 40         |

|                  |                                                                                   |           |
|------------------|-----------------------------------------------------------------------------------|-----------|
| <b>Jadual 17</b> | <b>Makna eufemisme bagi konsep ketakutan ‘<i>bulan kinah raong</i>’</b>           | <b>42</b> |
| <b>Jadual 18</b> | <b>Makna eufemisme bagi konsep penyakit ‘<i>tekeih pangai</i>’</b>                | <b>43</b> |
| <b>Jadual 19</b> | <b>Makna eufemisme bagi konsep jantina ‘<i>pechei</i>’</b>                        | <b>44</b> |
| <b>Jadual 20</b> | <b>Makna eufemisme bagi konsep jantina ‘<i>samalah teluh kenulit</i>’</b>         | <b>46</b> |
| <b>Jadual 21</b> | <b>Makna eufemisme bagi konsep anggota tubuh badan ‘<i>samalah mata ngau</i>’</b> | <b>47</b> |
| <b>Jadual 22</b> | <b>Makna eufemisme bagi konsep kebencian ‘<i>micit bedeg</i>’</b>                 | <b>48</b> |
| <b>Jadual 23</b> | <b>Makna eufemisme bagi konsep kebencian ‘<i>padeq tninou</i>’</b>                | <b>49</b> |
| <b>Jadual 24</b> | <b>Makna eufemisme bagi konsep kebencian ‘<i>selegugai</i>’</b>                   | <b>50</b> |

#### Senarai rajah

|                       |                                          |           |
|-----------------------|------------------------------------------|-----------|
| <b>Peta 1</b>         | <b>Kawasan kajian: Melanau Dalat</b>     | <b>3</b>  |
| <b>Gambar rajah 1</b> | <b>Teori Allan &amp; Burridge (1991)</b> | <b>17</b> |

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Dalam meniti arus kemodenan yang penuh dengan liku ini, kita masih lagi dapat melihat beberapa golongan masyarakat yang tidak mampu menjaga adab ketika berkomunikasi lebih-lebih lagi dalam media sosial. Jika dibiarkan, keadaan seperti ini boleh dibawa sehingga ke pergaulan seharian dan keadaan seperti ini yang mewujudkan suasana tegang kepada sesetengah pihak. Oleh sebab itulah, eufemisme berperanan penting dalam mewujudkan suasana hormat-menghormati antara penutur (Hamidah Abdul Wahab et al. (2016, p. 54)).

Di samping mewujudkan suasana harmoni antara penutur, eufemisme turut digunakan untuk membentuk hubungan yang baik antara manusia seperti yang diungkapkan oleh Nuraidar Agus (2012, p. 34) menyatakan kata-kata yang mempunyai unsur eufemisme memberi impak besar dalam pembentukan hubungan manusia yang baik dengan lingkungan budaya setempat. Setiap bahasa pasti mempunyai bentuk eufemisme yang tersendiri dan berbeza dengan bahasa yang lain.

### **1.2 Latar belakang kajian**

#### **1.2.1 Latar belakang masyarakat Melanau**

Richards dan Jaro (1930, p. 87) menyatakan bangsa Melanau merupakan suku kaum yang mendiami pinggir laut Sarawak dari Igan hingga Bintulu dan majoritinya di kawasan Oya, Dalat dan Mukah dalam Rahim Aman, Norfazila Ab. Hamid dan Shahidi Abdul Hamid (2015, p. 215). Semasa penubuhan bahagian Mukah pada 1 Mac 2002, ia merangkumi 4 daerah iaitu daerah Mukah, Dalat, Matu dan Daro. Statistik penduduk Malaysia 2010 menunjukkan kumpulan etnik Melanau mempunyai penduduk sebanyak 123, 410 orang di Sarawak dan Sumber Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sarawak menganggarkan sebanyak 66, 698 penduduk Melanau bahagian Mukah berdasarkan Banci Penduduk 2010. Data adalah seperti berikut:

Jadual 1: Jumlah Penduduk di Bahagian Mukah (2010)

| Bil. | Kaum              | Jumlah Penduduk (orang) |
|------|-------------------|-------------------------|
| a.   | Melanau           | 66,698                  |
| b.   | Melayu            | 6,398                   |
| c.   | Iban              | 20,456                  |
| d.   | Bidayuh           | 501                     |
| e.   | Bumiputera Lain   | 2,861                   |
| f.   | Cina              | 6, 280                  |
| g.   | India             | 79                      |
| h    | Lain-lain         | 195                     |
| i.   | Bukan warganegara | 6,546                   |

(Sumber: <https://mukah.sarawak.gov.my/page-0-189-358-Demografi.html>)

### 1.2.2 Latar belakang kawasan kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih daerah Dalat sebagai lokasi kajian semantik. Penduduk di sini menggunakan bahasa Melanau untuk berkomunikasi sesama mereka. Dalat merupakan pengeluar tepung sagu terbesar di dunia dan mempunyai empat kilang sagu moden dengan jumlah keluaran lebih daripada 74 tan sehari (<https://www.newsarawaktribune.com.my/mukah-p213-a-smart-city-in-the-making/>). Daerah Dalat mempunyai keluasan 905.29 km persegi yang merangkumi Daerah Kecil Oya dan Daerah Dalat mempunyai 16 buah kampung dan 22 buah rumah panjang (<http://kghiliroya.pjk.com.my/index.php/warga-pi1m/maklumat-pi1m/sejarah/42-sejarah>)

Peta 1 Kawasan Kajian: Melanau Dalat



(Sumber: <https://www.google.com.my/maps/place/Dalat,+Sarawak/@2.5204056,111.8918156,10z/data=!3m1!4b1!4m5!3m4!1s0x31f79207d6493233:0x676955c2b01014cd!8m2!3d2.738395!4d111.9388601?hl=en>)

### 1.3 Permasalahan kajian

Kajian berkaitan bahasa Melanau memang ada dijalankan tetapi kebanyakannya lebih menjurus kepada bidang sociolinguistik iaitu kajian kata sapaan dan panggilan dalam masyarakat Melanau oleh Salbia Hassan dan Dayang Sariah Abang Suhai (2016). Habibu Morsili, Karim Harun, dan Azrizan Abu Bakar (2017) turut menyumbang dalam kajian pemilihan bahasa oleh komuniti Melanau di daerah Daro. Selain itu terdapat juga kajian fonologi iaitu inventori fonem vokal dialek Melanau Rajang (Belawai) oleh Marina Kawi dan Dayang Sariah pada tahun 2018. Tambahan pula, “pemfokusan bidang fonologi kajian melanau Norfazila Ab. Hamid dan Rahim Aman (2016) lebih kepada Dialek Melanau Mukah sahaja” (Marina Kawi & Dayang Sariah Abang Suhai, 2018, p. 17).

Apabila melihat kajian berkaitan bidang semantik dalam masyarakat Melanau lebih-lebih lagi dalam masyarakat Melanau Dalat sangat sukar untuk ditemui, maka pengkaji berasa lebih terdorong untuk meneruskan kajian ini. Satu kajian bidang semantik yang telah dijalankan oleh



Dayang Sariah Abang Suhai dan Mary Fatimah Subet (2012) hanyalah peringkat homonim iaitu perbandingan ejaan dan sebutan perkataan dengan Dialek Melayu Sarawak. Justeru, kajian ini akan mengenal pasti eufemisme yang sering digunakan oleh masyarakat Melanau Dalat ketika berkomunikasi selanjutnya menghuraikan makna-makna bahasa kiasan tersebut untuk mengisi kelompangan kajian.

#### **1.4 Tujuan kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji eufemisme yang digunakan oleh masyarakat Melanau Dalat. Selain daripada meneliti kewujudan eufemisme yang digunakan oleh masyarakat ini, kajian ini juga bertujuan untuk melihat dengan lebih mendalam akal budi penutur masyarakat Melanau Dalat melalui penggunaan eufemisme atau bahasa halus dalam pertuturan mereka.

#### **1.5 Objektif kajian**

Dalam kajian ini, terdapat dua objektif utama yang dipilih untuk menentukan skop kajian iaitu:

1. Mengetahui eufemisme yang terdapat dalam bahasa Melanau Dalat
2. Menganalisis makna eufemisme Melanau berdasarkan Semantik Inkuisitif

#### **1.6 Persoalan kajian**

Terdapat beberapa persoalan yang menjadi panduan pengkaji dalam kajian ini. Antaranya ialah:

1. Apakah bahasa halus yang digunakan dalam bahasa Melanau Dalat?
2. Apakah makna di sebaliknya bahasa halus tersebut mengikut pemikiran mereka?

## **1.7 Definisi Operasional Terma**

### **1.7.1 Eufemisme**

Eufemisme ialah ungkapan yang lebih lembut atau sopan dan manis untuk menggantikan ungkapan yang dianggap kasar. Teo (1995) menyatakan bahawa eufemisme ialah penggunaan perkataan atau ungkapan yang lebih sedap didengar, lebih lembut dan tidak berterus terang sifatnya (dalam Hamidah Abdul Wahab et al. (2016, p. 55). Jadi secara ringkasnya, eufemisme dalam kajian ini merupakan bahasa halus yang digunakan dalam bahasa Melanau Dalat mengikut konsep penggunaan dan pengkategorian eufemisme berdasarkan teori Allan & Burridge (1991).

### **1.7.2 Bahasa Melanau**

Menurut Yasir Abd Rahman (1987, p. 5). Masyarakat Melanau mempunyai kawasan penempatan yang tersendiri dan ini menyebabkan bahasa Melanau terbahagi kepada empat kelompok utama iaitu Rajang, kawasan Mukah-Dalat, kawasan Balingian-Tatau dan kawasan Bintulu. Penempatan yang tersendiri ini mengakibatkan pola bahasa yang digunakan adalah berbeza walaupun masih sama bahasa Melanau. Habibu Morsili et al. (2017) menyatakan dalam kajiannya bahawa data daripada laman web etnolog menyenaraikan lima variasi bahasa Melanau iaitu Melanau Sentral, Melanau Kanowit-Tanjong, Melanau Daro-Matu, Melanau Sibuan dan Melanau Seru. Menurut beliau lagi, tiga daripada variasi bahasa ini berdepan dengan masalah biasa iaitu kekurangan penutur dan dikategorikan sebagai bahasa yang terancam iaitu Melanau Sentral, Melanau Kanowit-Tanjong dan Melanau Daro-Matu. Laman web etnolog dalam kajian beliau sekali lagi menyatakan bahawa Melanau Sentral ialah bahasa Melanau yang mempunyai dialek seperti Balingian, Bruit, Dalat, Oya, Sarikei, Segahan, Segalang, Sileng dan Igan. Ciri utama yang dilihat untuk membezakan masyarakat Melanau berbeza penempatan ini ialah melalui penggunaan bahasa mereka. Walaupun masih di dalam rumpun bahasa yang sama namun kosa kata yang berbeza menyulitkan pemahaman antara mereka lebih-lebih lagi dalam kalangan anak muda. Situasi ini berbeza dengan orang-orang dewasa yang banyak bekerja di banyak kawasan di mana mereka berpindah-randah dan mempelajari bahasa di sesuatu kawasan itu dan mampu memahami apa yang cuba disampaikan oleh penutur. Dalam kajian ini, bahasa Melanau merujuk kepada bahasa Melanau Sentral yang dituturkan di daerah Dalat.

### **1.7.3 Semantik Inkuisitif**

Semantik Inkuisitif merupakan pendekatan yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) dalam bukunya “Semantik dan Akal Budi Melayu”. Pendekatan ini diambil oleh beliau setelah melihat makna semantik skrip dan semantik resonans yang masih belum dapat mencapai akal budi tahap tertinggi penutur. Semantik skrip yang dimaksudkan di sini ialah makna setara sesuatu ungkapan atau ujaran. Contohnya “sang bedal” atau “bujang senang” bermaksud buaya. Kajian semantik skrip pada tahap ini masih lagi bersifat harfiah. Apabila melihat kajian pada tahap ini masih belum memadai untuk mendalami makna sebenar maka Nor Hashimah Jalaluddin sekali lagi menggunakan pendekatan baharu iaitu semantik resonans yang mengambil kira perkaitan data, teori dan kognisi penutur. Beliau sekali lagi melihat bahawa pada tahap ini masih tidak mampu menghuraikan dengan lebih mendalam makna sesuatu ungkapan, maka pendekatan semantik inkuisitif diperkenalkan untuk meneliti akal budi penutur itu sendiri. Nur Afifah Wan Mansor dan Nor Hashimah Jalaluddin (2015, p. 4) menyatakan inkuisitif bermaksud semangat ingin tahu serta dorongan untuk kita terus meneroka mencari jawapan kepada apa yang sebenar yang dimaksudkan oleh sesuatu ungkapan itu adalah bertepatan dengan ciri-ciri inkuisitif. Setiap ungkapan yang dihasilkan mempunyai makna tersendiri dan memerlukan daya imaginatif tinggi penutur. Penggunaan teori semantik inkuisitif dalam kajian ini akan melihat ketajaman akal budi penutur Melanau dalam penghasilan eufemisme bagi sesuatu ungkapan.

### **1.8 Kepentingan kajian**

Kajian ini penting dalam mendidik masyarakat Melanau sendiri untuk mengetahui makna tersirat di dalam sebuah ungkapan ketika bergaul dengan masyarakat sekeliling. Selain itu, kajian ini juga penting dalam mengetengahkan bahasa-bahasa halus yang digunakan oleh masyarakat Melanau kepada umum terutamanya kepada golongan remaja. Tidak dinafikan bahawa kebanyakan bahasa halus yang digunakan hanya golongan dewasa sahaja yang memahami kiasan tersebut jika dibandingkan dengan generasi muda. Apabila kajian seperti ini dijalankan, maka nilai dan martabat bahasa Melanau mampu dipertahankan. Hal ini demikian kerana Habibu Morsili et al. (2017) menyatakan bahawa bahasa Melanau menunjukkan ciri-ciri bahasa yang terancam dalam kajian mereka khususnya Melanau Seru yang terdiri daripada dialek Dalat. Di samping itu, gambaran mengenai pembentukan eufemisme dalam masyarakat ini dapat diketahui dengan pendekatan semantik inkuisitif. Marina Kawi dan Dayang Sariah (2018) dalam kajian mereka turut

menyatakan harapan berkenaan kajian mereka akan dijadikan sebagai pangkalan data dialek Melanau Rajang kawasan Belawai untuk kajian seterusnya, khususnya dalam bidang linguistik yang lain. Pendedahan berkenaan kiasan Bahasa Melanau juga mampu memberi banyak maklumat kepada pengkaji yang gemar mengkaji bahasa masyarakat lain, golongan pelancong yang ingin mempelajari bahasa-bahasa baru dan yang paling utama masyarakat Melanau yang bergenerasi muda. Tambahan pula, kajian mengenai bahasa kiasan dalam masyarakat Melanau Dalat sangat sukar ditemui. Oleh sebab itulah, kajian seperti ini sangat penting dan perlu dijalankan.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.1 Pengenalan**

Pengkaji akan menggunakan kajian-kajian lepas untuk dijadikan panduan ketika membuat kajian ini. Terdapat banyak kajian lepas yang lebih ke arah budaya Melanau dan tidak kurang juga dari segi linguistik. Selain itu, pengkaji menemui kajian-kajian lepas yang menggunakan Teori Semantik Inkuisitif sebagai pendekatan dalam kupasan data bahasa yang pelbagai. Oleh itu, kajian-kajian lepas dikelompokkan kepada empat bahagian iaitu kajian budaya masyarakat Melanau, kajian linguistik Melanau, kajian semantik inkuisitif, dan kajian eufemisme.

#### **2.2 Kajian Budaya Melanau**

Kajian budaya Melanau merupakan kajian yang meneliti aspek-aspek kebudayaan yang diamalkan dalam masyarakat Melanau. Kebanyakan kajian lepas berminat meneliti aspek kebudayaan masyarakat Melanau iaitu memfokus kepada kepercayaan tradisional yang diamalkan. Antara kajian yang tergolong dalam kategori ini ialah kajian Yakup Mohd Rafee et al. (2017), Intan Zarina Puji et al. (2014) dan Paul Beavitt (2006). Misalnya, kajian Yakup Mohd Rafee et al. (2017) dan kajian Paul Beavitt (2006) dilihat meneliti objek seni *bilum* iaitu sejenis ukiran kayu sebagai tanda kepercayaan ritual masyarakat Melanau.

Kajian Yakup Mohd Rafee et.al (2017) “*Bilum: A cultural object of the Pagan Melanau*” adalah tentang *Bilum* sebagai satu objek kebudayaan Melanau Pagan. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji *bilum* dalam komuniti Melanau dan keadaan semasa terutamanya berkaitan amalan ritual dan pengeluarannya. *Bilum* merupakan ukiran imej penyakit atau berhala yang dihasilkan daripada kayu lembut. Pengkaji menggunakan kaedah kajian lapangan dengan melawat ke kawasan pengamalan *bilum* iaitu di Daerah Mukah dan Dalat pada tahun 2013. Antara kampung yang menjadi kawasan kajian ialah Kampung Telian Tengah, Kampung Medong, Kampung Klid dan Kampung Plajau. Antara teknik pengumpulan data yang digunakan oleh pengkaji ialah lakaran,

temu bual, pemerhatian oleh pengkaji, dokumentasi video, fotografi, artikel, dan teks. Hasil kajian mendapati bahawa *bilum* ialah seni yang semakin terancam dalam komuniti Melanau Pagan. Pengkaji turut menyatakan bahawa walaupun *bilum* masih lagi diamalkan oleh komuniti kecil namun sedikit sebanyak maklumat mengenai *bilum* semakin hilang contohnya jenis *bilum* akibat tidak diwarisi oleh generasi muda.

Kajian Paul Beavitt (2006) pula adalah tentang “Melanau Sickness Images: Spirits Given Physical Form” dan objektifnya adalah untuk mempertimbangkan hubungan antara seni dan tindakan penyembuhan sehubungan dengan satu masyarakat di Borneo timur laut. Dalam kajian ini ada menyatakan seni menjadi cara penyembuhan penyakit melalui penciptaan imej yang merangkumi roh-roh yang mengganggu manusia dan membolehkan roh-roh itu kembali ke tempat yang sepatutnya tidak kira di hutan atau di kawasan perairan. Selain itu, kajian ini juga memberi penerangan dari segi penyebab penyakit timbul, ukiran *Bilum* yang digunakan untuk penyembuhan, pemindahan semangat yang sakit kepada Bilum, kepentingan cara pengubatan yang betul dan semangat dunia dan contoh *Bilum* yang terdiri daripada udara, air dan tanah. Pengukiran *Bilum* sehingga ke saat ini berkekurangan kesan daripada penyebaran agama Kristian dan Islam serta kemudahan hospital yang semakin meningkat.

Kajian seterusnya iaitu kajian Intan Zarina Puji et al. (2014) tentang “Analisa terhadap Adat dan Keistimewaan Masyarakat Melanau di Sarawak”. Kajian ini melihat kepada kepercayaan masyarakat Melanau terhadap alam, asal-usul kejadian manusia, cara perubatan dan majlis keramaian. Bagi kepercayaan masyarakat ini terbahagi kepada tiga iaitu Islam, Kristian dan kepercayaan lama yang terdiri daripada banyak lapisan masyarakat. Asal usul kejadian manusia pula membincangkan asal usul makhluk yang pada awalnya dinamakan sebagai *Buah* yang bermula di hulu sungai Mukah. Bahagian ini turut membincangkan perubatan tradisional zaman dahulu seperti memaku, pengasapan, baguda dan dakan serta membincangkan pesta kaul yang masih dijalankan sehingga sekarang. Selain itu kajian ini turut melihat keistimewaan masyarakat Melanau yang bersifat *fluid*, harmoni, mini *United Nation* serta kepimpinan dan intelektual.

## **2.3 Kajian Linguistik Melanau**

Kajian linguistik Melanau merupakan kajian-kajian lepas yang telah meneliti sistem dalam bahasa Melanau. Bagaimanapun kajian-kajian tersebut dilihat lebih memfokus kepada sistem bahasa Melanau di beberapa kawasan tertentu dan kebanyakannya melihat aspek fonetik dan fonologi Melanau. Misalnya kajian yang dilakukan oleh Marina Kawi dan Dayang Sariah Abang Suhai (2018), Norfazila Ab. Hamid dan Rahim Aman (2016), dan kajian Rahim Aman, Norfazila Ab. Hamid dan Shahidi Abdul Hamid (2015). Terdapat juga pengkaji yang meneliti aspek sosiolinguistik Melanau, misalnya kajian Salbia Hassan dan Dayang Sariah Abang Suhai (2007) dan Habibu Morsili et al. (2017). Sementara itu, terdapat satu kajian yang dilihat cuba melihat aspek semantik bahasa Melanau, iaitu kajian Dayang Sariah Abang Suhai dan Mary Fatimah Subet (2012). Bagaimanapun, kajian tersebut hanya menyenaraikan aspek makna leksikal yang dibandingkan dengan leksikal dialek Melayu Sarawak.

### **2.3.1 Kajian Fonetik dan Fonologi Melanau**

Kajian Marina Kawi dan Dayang Sariah Abang Suhai (2018) merupakan sebuah kajian “Inventori Fonem Vokal Dialek Melanau Rajang (Belawai)”. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji inventori fonem vokal yang wujud dalam dialek Melanau Rajang (Belawai). Kajian ini dijalankan pada tahun 2018 dan merupakan sebuah kajian lapangan. Kajian menggunakan kaedah kajian kualitatif dengan menemubual dua orang informan yang berumur dalam lingkungan 40 sehingga 60 tahun. Pengkaji menggunakan senarai kata yang telah disediakan berdasarkan 250 daftar kata Swadesh (Samarin, 1967). Kajian ini dijalankan di Kampung Belawai Sarawak yang terdapat di daerah pentadbiran Tanjung Manis dalam Bahagian Mukah, Sarawak. Hasil kajian menunjukkan terdapat 8 jenis fonem vokal dialek Melanau Rajang di kawasan Belawai dan tidak semua fonem vokal tersebut menjalankan tugas yang penuh. Pengkaji menyatakan bahawa kajian tersebut dilakukan bagi membuka peluang kepada pengkaji akan datang untuk meneruskan lagi kajian tersebut seterusnya memperluas kajian berkaitan fonologi khususnya bagi dialek Melanau yang lain.

Kajian Norfazila Ab. Hamid dan Rahim Aman (2016) “Varian Melanau Sarawak: Tinjauan di Melanau Mukah” adalah tentang aspek fonetik dan fonologi yang lebih memfokuskan kepada kawasan kajian di Mukah sahaja. Objektif kajian ini adalah untuk menilai dan menyusun semula aspek-aspek fonologi terhadap beberapa kajian tentang varian Melanau Mukah. Hasil kajian ini mendapati varian Melanau Mukah mempunyai 21 fonem konsonan yang terdiri daripada tujuh konsonan letupan, dua konsonan letusan, empat konsonan geseran, empat konsonan nasal, satu konsonan getaran, satu konsonan sisian, dan dua konsonan separuh vokal. Varian Melanau Mukah ini juga mempunyai enam fonem vokal dan lima diftong.

Seterusnya kajian Rahim Aman, Norfazila Ab. Hamid dan Shahidi Abdul Hamid (2015) yang bertajuk “Rekonstruksi Vokal dan Diftong Bahasa Melanau Purba”. Kajian ini menggunakan kaedah perbandingan kualitatif di mana rekonstruksi vokal dan diftong pula menggunakan rekonstruksi dalaman. Kaedah kajian ini dimulakan dengan penentuan kata-kata kognat daripada bahasa turunan untuk dijadikan sebagai bandingan seterusnya penyusunan set-set koresponden bunyi ke dalam jadual dan seterusnya fonem purba daripada perangkat tersebut dapat ditentukan di mana fonem purba diturunkan hanya melalui satu koresponden bunyi. Fonem vokal dan diftong Bahasa Melanau Purba ini dikaji terhadap tiga belas varian sahaja iaitu Mukah, matu, Dalat, Igan, Oya, Balingian, Daro, Bintulu, Medong, Sungai Ud, Rajang dan Tanjong.

### **2.3.2 Kajian Sociolinguistik Melanau**

Bagi kajian sociolinguistik pula, kajian Salbia Hassan dan Dayang Sariah Abang Suhai (2007) “Kata Sapaan dan Panggilan dalam Masyarakat Melanau” adalah untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan kata panggilan dalam masyarakat Melanau dengan masyarakat Melayu, mengenal pasti pola-pola penggunaan kata ganti ataupun sapaan dalam masyarakat Melanau dan mengenal pasti faktor yang mempengaruhi penggunaan pola tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual dan rakaman yang melibatkan dua belas informan iaitu enam lelaki dan enam perempuan. Informan merupakan penutur jati bahasa Melanau dari Kampung Belawai dan Jerijeh dan berumur dalam lingkungan 25 tahun sehingga 76 tahun. Kajian ini meneliti aspek kata sapaan dan panggilan mengikut pola-pola penggunaan Nik Safiah Karim iaitu bahasa halus-bahasa kasar resiprokal dan bahasa kasar-bahasa kasar resiprokal atau bahasa halus-bahasa kasar yang tidak



resiprokal. Dapatan kajian mendapati sistem sapaan dalam masyarakat ini dipengaruhi oleh status sosioekonomi iaitu umur, jantina, pangkat dan pendidikan.

Kajian Habibu Morsili et al. (2017) “Language Choice of Melanau Community in Daro District, Sarawak” adalah tentang pemilihan bahasa oleh komuniti Melanau di daerah Daro, Sarawak. Objektif utama pengkaji menjalankan kajian ini adalah untuk menganalisis pemilihan bahasa, menerangkan aspek penukaran kod dalam proses komunikasi dan menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa masyarakat Melanau semasa proses komunikasi. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif, membuat rakaman temu bual bersama informan dan pemerhatian. Kajian ini dijalankan pada tahun 2017 dan bertempat di Daro, Sarawak. Populasi kawasan yang terlibat dalam kajian ialah kampung-kampung, rumah-rumah panjang dan pekan kecil dengan jumlah penduduk kampung sebanyak 51 orang, 50 buah rumah panjang dan 3 buah pekan kecil di Daro, Belawai dan Tanjung Manis. Pengkaji membuat kesimpulan bahawa fenomena pemilihan bahasa berlaku akibat bahasa, budaya dan konflik sosial dalam masyarakat tidak kira masyarakat sama bahasa ataupun tidak. Pengkaji ada menyatakan kajian seperti ini wajar dijalankan bagi mengenal pasti faktor yang mempengaruhi faktor pemilihan bahasa dalam kumpulan etnik.

### **2.3.3 Kajian Semantik Melanau**

Pengkaji melihat kajian Melanau dari sudut semantik hanyalah Kajian Dayang Sariah Abang Suhai dan Mary Fatimah Subet (2012) yang bertajuk “Homonym antara Dialek Melayu Sarawak dan Bahasa Melanau” yang hanya melihat dari segi persamaan ejaan dan sebutan dalam Dialek Melayu Sarawak dan Bahasa Melanau. Data diambil daripada data yang telah didokumenkan dan data dari kajian lapangan. Sumber data sekunder kajian ini pula menggunakan Kamus Melanau Mukah-Melayu Dewan (2011) dan Daftar Kata Dialek Melayu Sarawak Edisi Kedua (1998). Pemilihan kedua-dua bahasa ini untuk dijadikan bandingan adalah berikutan latar belakang identiti budaya yang hampir sama. Hasil kajian ini mendapati terdapat hubungan homonym antara Dialek Melayu Sarawak dan Bahasa Melanau dan ini membuktikan hubungan antara bahasa itu boleh berlaku tidak kira sama ada dari segi bahasa dengan bahasa atau dialek dengan bahasa sendiri.

## **2.4 Kajian Semantik Inkuisitif**

Kajian Nur Afifah Wan Mansor dan Nor Hashimah Jalaluddin (2015) “Deria Rasa dalam Kiasan Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif” adalah bertujuan untuk mengenal pasti deria rasa yang merangkumi manis, masam, masin dan pahit dalam kiasan Melayu dan perkaitan dengan budaya dan akal budi penutur. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk deksriptif di mana data diambil daripada Kamus Istimewa Peribahasa Melayu dan Kamus Peribahasa Melayu serta laman sesawang Malay Civilization UKM. Deria rasa dalam data tersebut menunjukkan sebanyak 39% untuk rasa masin, 32% untuk rasa manis, 20% untuk rasa pahit dan 14% untuk rasa 14%. Kajian ini menggunakan analisis rangka rujuk silang dan menggunakan teori Semantik Inkuisitif untuk meneroka perkaitan rasa dengan alam masyarakat penutur. Hasil kajian ini mendapati domain rasa dalam kiasan Melayu menonjolkan tingkah laku negatif dan positif masyarakat.

Selain itu, kajian Tangaprabu Murthy, Mary Fatimah Subet dan Muhammad Zaid Daud (2018) “Kajian Semantik Inkuisitif dalam Peribahasa Tamil: Imej Tumbuhan melihat bahasa Tamil dari sudut makna. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mendalami akal budi masyarakat India melalui penciptaan peribahasa yang mempunyai imej tumbuhan. Kajian ini juga merupakan sebuah kajian kualitatif di mana teknik temu bual mendalam digunakan terhadap empat orang informan yang memiliki pendidikan Bahasa Tamil iaitu mereka yang boleh menulis, mendengar, membaca dan bertutur dalam Bahasa Tamil. Manakala hanya imej tumbuhan dalam peribahasa Tamil sahaja diambil seperti padi, rumput, halia dan kunyit. Kajian ini turut menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif untuk mendalami akal budi masyarakat ini ketika penghasilan peribahasa. Hasil kajian mendapati peribahasa Tamil mengambil kira konsep kebudayaan dan kelestarian alam masyarakat tersebut.

## 2.5 Kajian Eufemisme

Kajian Hamidah Abdul Wahab et al. (2016) tentang “Analisis Eufemisme Kematian Masyarakat Melayu Sarawak” dari perspektif semantik kognitif bertujuan untuk meneliti proses-proses kognitif yang mendasari eufemisme kematian dalam masyarakat Melayu Sarawak. Pengkaji memilih dua buah kampung sebagai kawasan kajian iaitu Kampung Buntal dan Kampung Panglima Seman Hulu, Kuching, Sarawak. Pengkaji menggunakan kaedah kajian lapangan dengan menemu bual, merakam perbualan dan mencatat perbualan bersama informan secara berkumpulan. Dua penutur lelaki dan dua penutur perempuan dipilih dari setiap kampung dan informan tersebut dipilih atas faktor penutur jati dialek Melayu Sarawak dan berumur 40 tahun ke atas. Soalan yang diajukan pula telah ditetapkan lebih merujuk kepada domain kematian. Pengkaji menggunakan kerangka teori Metafora Konsepsi saranan Lakoff dan Johnson (1980). Prosedur pengumpulan data dimulakan dengan menerangkan konsep eufemisme dengan penerangan contoh kepada informan. Pengkaji mendapati penggunaan unsur eufemisme dalam masyarakat Melayu Sarawak berkait rapat dengan budaya berbahasa yang diamalkan sejak dahulu lagi. Pengkaji turut menjelaskan struktur konsepsi kematian seseorang dan perjalanannya diberikan dalam skema imej *Sumber-Laluan-Matlamat*.

Dari sudut bahasa Iban pula terdapat satu kajian Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam dan Remmy Gedat (2017) iaitu “Eufemisme dalam bahasa Iban: satu kajian kes di Kampung lebor, Serian, Sarawak menunjukkan pemakaian bahasa kiasan dalam kalangan masyarakat Iban di kawasan kajian. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kewujudan unsur eufemisme dalam bahasa Iban di kawasan kajian dan kajian ini merupakan satu kajian kes. Kajian ini lebih menggunakan pendekatan teori Allan & Burridge (1991) yang berlandaskan 9 prinsip eufemisme iaitu anggota tubuh badan, jantina, seks, kemarahan, kebencian, penyakit, kematian, ketakutan, dan merujuk kepada Tuhan. Pengkaji membuat pengumpulan data dengan menemu bual informan lelaki dan perempuan yang berusia 50 tahun ke atas yang fasih berbahasa Iban. Pengkaji turut memilih informan menggunakan kaedah NORF dan NORM. Hasil kajian menunjukkan masyarakat Iban di Kampung Lebor, Serian sudah lama menggunakan bahasa kiasan dalam pertuturan seharian kerana dipengaruhi adat yang diwarisi secara turun-temurun. Penggunaan ungkapan eufemisme dalam masyarakat Iban di sini masih diteruskan tidak kira golongan tua atau muda untuk terus mewujudkan suasana yang harmoni.

## 2.6 Rumusan

Berdasarkan tinjauan kajian yang dilakukan oleh pengkaji, ternyata kajian penelitian Melanau lebih menjurus kepada budaya dan bidang linguistik seperti fonetik dan fonologi, sosiolinguistik dan semantik. Bidang semantik Melanau yang dikaji hanya melibatkan perbandingan leksikal iaitu dari segi homonim dan bukan menjurus kepada bidang semantik yang lebih mendalam. Tambahan pula, kajian linguistik Melanau yang dijalankan lebih kepada Melanau Rajang (Belawai), Melanau Mukah dan Melanau Daro. Oleh hal yang demikian, pengkaji membuat keputusan untuk mengkaji bahasa Melanau Dalat dari bidang semantiknya dengan hasrat mengisi kelompangan kajian-kajian yang lepas.

Melihat dari sudut Semantik pula, pengkaji dapat meninjau sebanyak dua kajian yang bukan bahasa Melanau menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif untuk menjayakan kajian mereka. Kajian-kajian Semantik Inkuisitif tersebut melihat dari segi bahasa kiasan bagi Bahasa Melayu dan peribahasa bagi Bahasa Tamil. Dalam kajian ini, pengkaji melihat kajian semantik dalam Bahasa Melanau sangat jarang ditemui dan ini telah mendorong pengkaji untuk meneruskan lagi kajian ini kerana berasa sangat tertarik kesan daripada kajian semantik inkuisitif dalam bahasa-bahasa lain.

Berdasarkan tinjauan kajian eufemisme yang dilakukan oleh pengkaji, setiap bahasa mempunyai bahasa halusnyanya tersendiri dan kadang-kadang penutur bahasa itu sendiri tidak dapat mengagak makna sebenar yang cuba disampaikan. Eufemisme digunakan dalam pelbagai konteks bahkan turut digunakan dalam sesuatu adat seperti adat kematian yang dijalankan oleh Hamidah Abdul Wahab et al. (2016). Pengkaji sekali lagi berasa terpanggil untuk membuat kajian eufemisme dalam kalangan masyarakat Melanau untuk mengetahui kewujudan unsur eufemisme dalam masyarakat ini seterusnya menganalisis ungkapan yang digunakan berdasarkan Semantik Inkuisitif untuk meneliti kognitif penutur ini.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Reka bentuk penyelidikan**


Pengkaji menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif iaitu sebuah kajian lapangan untuk menjalankan kajian ini. Penggunaan reka bentuk kajian ini mampu memberi maklumat secara menyeluruh dan menghuraikan dengan lebih mendalam. Soalan mengapa dan kenapa akan dapat dijawab dengan menggunakan reka bentuk penyelidikan ini. Contohnya, soalan “mengapa eufemisme ini digunakan untuk menggambarkan ini?”. Contoh seterusnya, “Kenapa unsur ini yang digunakan?” dan contoh terakhir “bagaimanakah masyarakat anda boleh mengaplikasikan sumber ini untuk menjadi unsur dalam kiasan anda?”. Segala persoalan jenis terbuka dan spontan ini mampu terjawab dengan lebih terperinci dan kemungkinan besar maklumat tambahan boleh diperolehi dengan lebih banyak.

#### **3.2 Sampel dan persampelan (peserta)**

Pengkaji memilih informan berdasarkan kriteria-kriteria tertentu. Informan yang akan ditemu bual ialah penutur jati bahasa Melanau Dalat yang berumur 40 tahun ke atas. Seterusnya, pengkaji memastikan informan yang akan ditemu bual memiliki data yang cukup dan bersedia untuk memberikan maklumat yang lengkap, tepat dan sahih. Informan juga mampu menetapkan masa lapangnya untuk ditemu bual oleh pengkaji. Informan mestilah individu yang tidak pemalu agar proses pengumpulan data tidak terganggu. Informan juga merupakan seorang penduduk tetap di kawasan perkampungan Dalat untuk memudahkan pengkaji mengutip data. Pengkaji turut menggunakan kaedah NORF dan NORM dalam memilih informan yang bermaksud Non-mobile (tinggal tetap), Older (tua), Rural (luar bandar) dan Female (perempuan)/ Male (lelaki).

### 3.3 Instrumen kajian

Pengkaji ialah instrumen utama memungut data. Pengkaji berada dalam situasi yang dikaji, mendengar dan memerhati sendiri fenomena yang ingin dikaji. Pengkaji akan menggunakan kaedah temu bual untuk mengumpul data daripada informan. Instrumen temu bual adalah berdasarkan teori Allan & Burrige (1991) iaitu sebanyak 9 konsep penggunaan dan pengkategorian eufemisme seperti berikut:



Gambar rajah 1: Teori Allan & Burrige (1991)

Terdapat 5 sehingga 10 soalan yang sudah didraf disediakan untuk diajukan kepada informan. Soalan yang diberikan berbentuk santai dan tidak kompleks tetapi masih berfokus kepada topik utama kajian iaitu eufemisme dalam bahasa Melanau Dalat. Rangka soalan yang akan diajukan semasa temu bual adalah seperti berikut:

| Kategori     | Huraian                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | Contoh soalan dirangka                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|--------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Pengenalan   | <p>a)Pengkaji memperkenalkan diri dan kajian yang dijalankan</p> <p>b)Pengkaji memberitahu tujuan kajian dijalankan</p> <p>c)Pengkaji memperkenalkan mana-mana individu yang terlibat di dalam kajian</p> <p>d)Pengkaji menjelaskan pentingnya kerjasama informan ketika proses pengumpulan maklumat</p> <p>e)Pengkaji menerangkan bagaimana maklumat yang dikumpulkan memberi manfaat kepada komuniti</p> | <p>“Selamat pagi, saya bernama .... dari .... Tujuan saya menemubual pak cik hari ini adalah untuk... Jadi eufemisme di sini bermaksud bahasa digunakan untuk menyampaikan sesuatu dengan lebih halus. Sukacita saya ingin maklumkan di sini bahawa kerjasama pakcik sangat penting dalam membantu kajian saya. Data ini akan dianalisis menjadi teks setelah selesai dikumpul daripada pakcik.”</p> |
| Soalan utama | <p>a)5-10 draf soalan berkenaan eufemisme disediakan untuk disoal</p> <p>b)Soalan penting yang merujuk kepada objektif utama kajian direka oleh pengkaji untuk dapatkan lebih banyak maklumat</p> <p>c)Pengkaji bertanya kepada informan soalan-soalan yang</p>                                                                                                                                            | <p>“Apakah bahasa halus yang sering pakcik gunakan?”</p> <p>“Pada masa bilakah pakcik menggunakan bahasa halus ini?”</p> <p>“Pakcik ni sudah biasa terlibat dalam upacara pengebumian jenazah, ada tak bahasa halus yang hanya digunakan dalam</p>                                                                                                                                                   |

|                             |                                                                                                                                                                                                           |                                                                                                                                                                              |
|-----------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                             | melibatkan kepakaran informan dan pandangan yang unik                                                                                                                                                     | upacara ini yang tiada siapa tahu maksud selain pakcik?"                                                                                                                     |
| Soalan berdasarkan teori    | a)Soalan di peringkat ini akan menentukan sesuatu eufemisme itu terletak di bawah konsep yang mana                                                                                                        | "Jadi menurut pakcik, perkataan buaya ini mesti disebut dengan bahasa halus iaitu <i>kayo paman</i> sebab takut haiwan itu akan mendengar dan menyerang?"                    |
| Soalan mengundang persoalan | a)Soalan seperti ini mengundang informan untuk lebih berfikir                                                                                                                                             | "Menurut pengetahuan pakcik, mengapa ini digunakan sebagai pengganti perkataan ini?"<br><br>"Adakah ada cerita di sebalik penggunaan perkataan ini untuk memberi makna ini?" |
| Soalan penutup              | a)Soalan pada tahap ini akan memberi peluang kepada informan untuk memberikan komen mengenai kajian pengkaji                                                                                              | "Pada pandangan pakcik, kenapa perlunya menggunakan bahasa halus ini dalam masyarakat ini?"                                                                                  |
| Ringkasan                   | a)Jika pengkaji dan informan masih mempunyai banyak masa, pengkaji boleh meringkaskan hasil kajian dan meminta maklum balas daripada informan agar tiada maklumat yang tertinggal sebelum mengundur diri. | "Terima kasih pakcik kerana sudi menjadi informan saya. "                                                                                                                    |

Jadual 2: Rangka soalan temu bual



### 3.4 Prosedur kutipan data

Pada mulanya, pengkaji mula mencari informan untuk ditemu bual dengan bantuan rakan-rakan, sepupu terdekat dan keluarga mengenai informan yang sering menggunakan eufemisme dalam kehidupan seharian. Pemilihan informan juga mengikut kaedah NORF/NORM dan merupakan penutur jati bahasa Melanau Dalat. Setelah memperoleh maklumat mengenai informan, pengkaji menghubungi informan dan meminta persetujuan untuk membuat temu bual terhadap informan. Setelah mendapat persetujuan daripada informan, pengkaji bertanya tarikh yang sesuai untuk ditemu bual agar jadual harian informan tidak terganggu. Setelah tarikh ditetapkan, pengkaji pergi ke kawasan penempatan informan untuk menemu bual.

Pada awal perbualan, pengkaji memperkenalkan diri dan menerangkan kepada informan apa yang sebenarnya dimaksudkan dengan eufemisme dan memberitahu informan berkenaan data yang diambil akan direkodkan sepanjang sesi perbualan berlangsung. Pengkaji merekodkan rakaman dengan menggunakan telefon pintar. Soalan dimulakan dengan pertanyaan eufemisme yang sering digunakan dalam kehidupan seharian dan seterusnya pengkaji melihat konteks penggunaan ayat bagi sesebuah eufemisme untuk menetapkan sesuatu eufemisme itu terletak di bawah konsep berdasarkan teori Allan & Burridge (1991). Seterusnya informan sendiri diminta memberi komen atau ulasan terhadap data-data yang telah diberikan. Akhir sekali, pengkaji mengesahkan semula data-data yang telah diambil sebelum sesi temu bual berakhir. Semasa proses temu bual berlangsung, pengkaji merakam audio perbualan bersama informan dan mencatat maklumat penting ketika proses temu bual lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan proses kognitif penutur untuk membantu penganalisan data. Akhir sekali, audio perbualan yang direkod akan dianalisis menggunakan teori Semantik Inkuisitif.

### 3.5 Prosedur Analisis Data

Pengkaji pada mulanya akan membuat tapisan terhadap rakaman audio perbualan bersama informan. Rakaman audio yang tidak mempunyai data akan dibuang dan hanya perbualan yang mengandungi isi penting akan dikekalkan sebagai data. Seterusnya pengisian data-data kajian ke dalam *Microsoft Word* mengikut 9 prinsip teori Allan & Burridge (1991). setelah penyenaraian semula mengikut 9 prinsip dilakukan, pengkaji seterusnya memberi makna harfiah berdasarkan makna yang diberikan oleh informan. Analisis pada peringkat ini ialah tahap semantik skrip iaitu pemberian makna permukaan atau setara. Seterusnya, analisis diteruskan lagi dengan tahap semantik resonans iaitu pada tahap ini penumpuan terhadap aspek teori dan penjelasan perkaitan tafsiran makna dengan kognitif penutur Melanau. Pada tahap seterusnya, pengkaji menggunakan analisis semantik inkuisitif bagi data kajian di mana mengaitkan antara bahasa, budaya, kognitif dan akal budi penutur Melanau. Pada tahap ini pola persoalan yang digunakan ialah “mengapa?”. Analisis semantik inkuisitif pada tahap ini akan merungkai akal budi penutur itu sendiri dengan pemerhatian terhadap maklumat konteks dan budaya dalam masyarakat tidak kira dari segi geografi, sosiologi, sains, agama, historis, etimologi dan budaya.

### 3.6 Batasan kajian

Pengkaji menghadkan bilangan informan kepada 4 orang iaitu dua orang informan perempuan dan dua orang informan lelaki kerana berdasarkan kajian lepas, pemilihan informan dibuat berdasarkan faktor bahawa sebagai penutur jati bahasa tersebut, maka mereka dapat mewakili bentuk pertuturan atau bahasa masyarakat di kawasan tersebut. Kajian ini juga hanya akan melihat kepada eufemisme yang terdapat di dalam bahasa Melanau Dalat. Eufemisme yang melibatkan bahasa Melanau di daerah-daerah lain seperti Matu atau Mukah tidak akan dikaji. Jadi, segala data yang diperoleh tidak relevan dalam bahasa Melanau lain kerana eufemisme di tempat-tempat lain kadang-kadang berbeza bentuknya. Kemungkinan besar bahasa kiasan yang digunakan adalah sama tetapi mempunyai makna yang berbeza di kawasan yang berbeza.

## BAB 4

### HASIL KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji menghuraikan dapatan kajian yang berjaya dikumpul sepanjang tempoh kajian. Data-data kajian dihuraikan mengikut konsep penggunaan dan pengkategorian eufemisme berdasarkan teori Allan & Burrige (1991) iaitu anggota tubuh badan, jantina, kemarahan, kebencian, penyakit, kematian dan ketakutan, seks dan merujuk kepada Tuhan. Pengkaji pada mulanya mengelaskan data-data kajian mengikut konsep seterusnya mengaplikasikan teori Semantik Inkuisitif terhadap setiap data berdasarkan data tambahan yang diberikan oleh informan kepada pengkaji.

#### 4.2 Pengkategorian eufemisme Melanau Dalat mengikut konsep penggunaan dan pengkategorian eufemisme berdasarkan teori Allan & Burrige (1991)

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengambil inisiatif untuk melihat eufemisme Melanau Dalat mengikut teori Allan & Burrige (1991) iaitu 9 konsep penggunaan dan pengkategorian eufemisme yang dikemukakan seperti rajah di bawah:



Gambar rajah 1: Teori Allan & Burrige (1991)

Pengkaji telah mengambil inisiatif untuk mengelaskan terlebih dahulu data lebih memudahkan proses penghuraian data. Berdasarkan data kajian, pengkaji menjumpai sebanyak 7 konsep penggunaan dan pengkategorian eufemisme berdasarkan Teori Allan & Burridge (1991) iaitu kematian, kemarahan, ketakutan, penyakit, jantina, anggota tubuh badan dan kebencian.

#### 4.2.1 Konsep kematian

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005: 1008), kematian bermaksud hal-hal yang berkaitan dengan mati, iaitu mati ialah kata akar bagi kematian dan menderita kerana seseorang atau sesuatu mati. Setiap upacara yang berkaitan kematian akan disenaraikan sebagai data bagi konsep kematian. Data yang berkaitan dengan konsep kematian disenaraikan dalam Jadual 3 di bawah.

| Bahasa kasar                 | Bahasa halus                  | Makna           |
|------------------------------|-------------------------------|-----------------|
| <i>Matai</i><br>Mati         | <i>Tabui</i><br>Pergi         | Meninggal dunia |
| <i>Tenanem</i><br>Ditanam    | <i>Baai</i><br>Turun          | Dikebumikan     |
| <i>A matai</i><br>Orang mati | <i>A rusek</i><br>Orang rosak | Jenazah         |

**Jadual 3: Konsep kematian**

Jadual 2 di atas menunjukkan konsep kematian untuk eufemisme yang digunakan masyarakat Melanau Dalat. Sebanyak tiga data mengikut konsep tersebut berjaya dikumpul iaitu *tabui* yang bermakna meninggal dunia, *baai* bermakna dikebumikan dan *a rusek* bermakna jenazah. Ketiga-tiga data tersebut diklasifikasikan sebagai data eufemisme berdasarkan konsep kematian kerana sering digunakan untuk merujuk secara halus keadaan atau hal yang berkaitan sesuatu kematian.

#### 4.2.2 Konsep kemarahan

Kemarahan merujuk kepada perihai marah, keberangan, serta kegusaran. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005: 998). Jadual 4 di bawah menunjukkan eufemisme yang digunakan oleh masyarakat Melanau Dalat berdasarkan konsep kemarahan. Sebanyak lima data yang berjaya dikumpul iaitu *luluih* yang bermakna orang yang bermulut celupar, *padem* bermakna marah, *menajer* bermakna pandang rendah, *linga kanan* bermakna degil, dan *belesuwie acin* bermakna orang yang menyampuk ketika orang tua berbual. Kelima-lima data tersebut diklasifikasikan sebagai data eufemisme berdasarkan konsep kemarahan kerana digunakan apabila penutur berasa marah terhadap seseorang tetapi masih lagi mahu melembutkan pertuturan.

| Bahasa kasar             | Bahasa halus                                              | Makna                               |
|--------------------------|-----------------------------------------------------------|-------------------------------------|
| <i>Lalu</i><br>Melampau  | <i>Luluih</i><br>Longgar                                  | Celupar                             |
| <i>Merih</i><br>Marah    | <i>Padem</i><br>Gelap                                     | Marah                               |
| <i>Menaloq</i>           | <i>Menajer</i>                                            | Pandang rendah                      |
| <i>Degil</i><br>Degil    | <i>Linga kanan</i><br>Telinga tempayan                    | Degil                               |
| <i>Saap</i><br>Menyampuk | <i>Belesuwie acin</i><br>Seluang masin                    | Menyampuk ketika orang tua berbual  |
| -                        | <i>Lulo sungai debei ud</i><br>Menunggu sungai tiada hulu | Menunggu seseorang tak kunjung tiba |

Jadual 4: Konsep kemarahan

### 4.2.3 Konsep ketakutan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005: 1579), ketakutan merujuk kepada perihai takut, rasa takut, perasaan hormat dan malu, keseganan, perasaan resah serta kegelisahan. Jadual 5 di bawah menunjukkan eufemisme yang digunakan oleh masyarakat Melanau Dalat berdasarkan konsep ketakutan. Sebanyak sembilan data yang berjaya dikumpul dan ini merupakan data terbanyak jika dibandingkan dengan data-data konsep yang lain. Antara data yang dikumpul ialah *burok bilem* bagi ular tedong, *kain batik* bagi ular sawa, *bati paman* bagi buaya, *padem* bagi kulit yang berwarna gelap, *wak kik* bagi hantu, *manok owk pireng adeng* bagi seseorang yang diam seribu bahasa, *buwak lawei* bagi menggambar seseorang atau sebiji buah yang bersaiz kecil, *bulan kinah raong* bagi menggambarkan seseorang yang hodoh, dan *jelukik* bagi seseorang yang memuntahkan makanan akibat terlalu kenyang. Kesemua data ini diklasifikasikan sebagai data berdasarkan konsep ketakutan kerana bimbang mengguris hati lawan bertutur dan bimbang haiwan-haiwan liar seperti ular dan buaya datang ke arah penutur jika mendengar benda tersebut disebut secara terang-terangan. Menurut informan, lebih-lebih lagi jika berada di jeti ataupun di dalam perahu, adalah sangat ditegah untuk menyebut nama buaya secara terang-terangan kerana bimbang haiwan tersebut akan muncul kerana sungai merupakan habitat mereka. Sama seperti ular, orang tua-tua sangat menegah untuk menyebut nama ular seperti ular sawa dan ular tedong secara terang-terangan ketika berada di hutan.

| Bahasa kasar                      | Bahasa halus                           | Makna       |
|-----------------------------------|----------------------------------------|-------------|
| <i>Dipa tedong</i><br>Ular tedong | <i>Burok bilem</i><br>Kain buruk hitam | Ular tedong |
| <i>Dipa pamanen</i><br>Ular sawa  | <i>Kain batik</i><br>Kain batik        | Ular sawa   |
| <i>Baya</i><br>Buaya              | <i>Bati paman</i><br>Kayu buruk hanyut | Buaya       |
| <i>Meledou/ bilem</i><br>Hitam    | <i>Padem</i><br>Gelap                  | Hitam       |

|                                         |                                                                     |                             |
|-----------------------------------------|---------------------------------------------------------------------|-----------------------------|
| <b>Amou</b><br><b>Hantu</b>             | <b>Wak kik</b><br><b>Benda lain</b>                                 | <b>Hantu</b>                |
| <b>Kujem</b><br><b>Terpaku</b>          | <b>Manok wok pireng adeng</b><br><b>Burung hantu dibaling arang</b> | <b>Diam seribu bahasa</b>   |
| <b>Umit</b><br><b>Kecil</b>             | <b>Buwak lawei</b><br><b>Buah di penghujung</b>                     | <b>Kecil (manusia/buah)</b> |
| <b>Debei gap</b><br><b>Tidak cantik</b> | <b>Bulan kinah raong</b><br><b>Bulan dimakan gerhana</b>            | <b>Hodoh</b>                |
| <b>Putak</b><br><b>Muntah</b>           | <b>Jelukik</b><br><b>Memuntahkan makanan akibat terlalu kenyang</b> | <b>Muntah</b>               |

**Jadual 5: Konsep ketakutan**

#### **4.2.4 Konsep penyakit**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005: 1370), penyakit bermaksud sesuatu yang menyebabkan badan menjadi sakit atau yang sesuatu yang menyebabkan keburukan, kepincangan hidup dan lain-lain. Jadual 6 di bawah menunjukkan eufemisme Melanau Dalat berdasarkan konsep penyakit. Terdapat tiga data yang dikemukakan berdasarkan konsep penyakit iaitu *tekeih pangai* yang bermakan santau, *kurang sihat* bagi sakit, dan *setengah tiang* bagi orang gila atau kurang siuman.

| <b>Bahasa kasar</b>                       | <b>Bahasa halus</b>                            | <b>Makna</b>         |
|-------------------------------------------|------------------------------------------------|----------------------|
| <b>Buyak nak</b><br><b>Terkena buatan</b> | <b>Tekeih pangai</b><br><b>Terkena angin</b>   | <b>Santau</b>        |
| <b>Pedih</b><br><b>Sakit</b>              | <b>Kurang sihat</b><br><b>Kurang sihat</b>     | <b>Sakit</b>         |
| <b>Mengipin/ mlilil</b><br><b>Gila</b>    | <b>Setengah tiang</b><br><b>Setengah tiang</b> | <b>Kurang siuman</b> |

**Jadual 6: Konsep penyakit**

#### 4.2.5 Konsep jantina

Data eufemisme yang digunakan oleh masyarakat Melanau Dalat berdasarkan konsep jantina ditunjukkan dalam Jadual 7 di bawah. Terdapat tiga data yang dijumpai seperti *pechei* bermakna perempuan yang mengandung atau hamil, *labik mamak* bermakna perempuan yang sedang haid, dan *seraba* bermakna seseorang yang membuang air kecil. Ketiga-tiga data ini diklasifikasikan sebagai ungkapan halus berdasarkan konsep jantina dan kesemua data yang ditunjukkan berkaitan dengan perempuan.

| Bahasa kasar                       | Bahasa halus                                          | Makna              |
|------------------------------------|-------------------------------------------------------|--------------------|
| <i>Mentaik</i><br>Berbadan dua     | <i>Pechai</i><br>Berisi                               | Mengandung         |
| <i>Labik bulan</i><br>Datang bulan | <i>Labik mamak</i><br>Datang kotor                    | Haid               |
| <i>Psinik</i><br>Kencing           | <i>Seraba</i><br>Membuang air kecil/air besar         | Membuang air kecil |
| -                                  | <i>Samalah teluh kenulit</i><br>Seperti telur dikulit | Putih dan halus    |

Jadual 7: Konsep jantina



#### 4.2.6 Konsep anggota tubuh badan

Jadual 8 di bawah menunjukkan data eufemisme Melanau Dalat berdasarkan konsep anggota tubuh badan. Terdapat empat data berdasarkan konsep tersebut dan antaranya ialah *wak igik* bagi kemaluan lelaki dan perempuan, *kabut itit* bagi seseorang yang memiliki punggung agak tonggek dan *samalah mata ngau* bermakna seseorang yang boleh melihat dalam gelap. Semua data ini diklasifikasikan sebagai data eufemisme berdasarkan konsep anggota tubuh badan kerana melibatkan anggota tubuh badan seperti punggung, mata dan lain-lain.

| Bahasa kasar            | Bahasa halus                                                  | Makna                                    |
|-------------------------|---------------------------------------------------------------|------------------------------------------|
| <i>Teluh</i><br>Telur   | <i>Wak igik</i><br>Benda yang dibawa                          | Kemaluan lelaki                          |
|                         | <i>Wak igik</i><br>Benda yang dibawa                          | Kemaluan perempuan                       |
| <i>Sedik</i><br>Tonggek | <i>Kabut itit</i><br>Buntut itik                              | Punggung tonggek                         |
|                         | <i>Samalah mata ngau</i><br>Seperti mata kucing               | Boleh melihat dalam gelap                |
|                         | <i>Samalah paderk selului</i><br>Seperti udang bertukar kulit | Lembut                                   |
|                         | <i>Samalah betuk</i><br>Seperti pepejal                       | Duduk diam tanpa bergerak atau berbicara |

Jadual 8: Konsep anggota tubuh badan

#### 4.2.7 Konsep kebencian

Jadual 9 di bawah menunjukkan data eufemisme yang digunakan oleh masyarakat Melanau dalat berdasarkan konsep kebencian. Terdapat lima data yang dikumpul oleh pengkaji berdasarkan temu bual bersama informan. Antara data yang dikumpul ialah *micit bedeg* bermakna seseorang yang bermain telefon bimbit dalam tempoh masa yang lama. Eufemisme ini sering digunakan terhadap anak-anak muda. Seterusnya, *padeq tninou* bermakna keadaan muka seseorang yang sedang mabuk atau orang yang sedang dinasihati berwarna merah. Selain itu, *lalo kabut* bagi seseorang yang terlalu banyak bercerita ketika ke rumah orang. *Lalo betih* pula bermakna orang yang terlalu banyak berjalan ke rumah orang lain. Data yang terakhir bagi konsep kebencian ialah *selegugai* yang bermakna seseorang yang terlalu melentuk-liuk tubuh badannya seperti seekor ulat sagu yang hendak tumbuh sayapnya.

| Bahasa kasar                            | Bahasa halus                                                 | Makna                                          |
|-----------------------------------------|--------------------------------------------------------------|------------------------------------------------|
| <i>Tupek tlepon</i><br>Memegang telefon | <i>Micit bedeg</i><br>Memicit ikan empelasi                  | Bermain telefon bimbit<br>terlalu lama         |
| <i>Maba</i><br>Merah sangat             | <i>Padeq tninou</i><br>Udang dibakar                         | Muka merah (pemabuk/<br>orang yang dinasihati) |
| <i>Lilut</i><br>Leka                    | <i>Lalo kabut</i><br>Panjang punggung                        | Terlalu banyak cerita<br>(rumah orang)         |
| <i>Dereh makau</i><br>Kuat berjalan     | <i>Lalo betih</i><br>Panjang kaki                            | Terlalu banyak berjalan ke<br>rumah orang      |
| <i>Pkiwed</i><br>Melintuk-liuk          | <i>Selegugai</i><br>Keadaan ulat sagu hendak<br>tumbuh sayap | Melentuk liuk                                  |

Jadual 9: Konsep kebencian


#### **4.2.8 Kesimpulan**

Berdasarkan data-data yang dapat dikumpul oleh pengkaji, terdapat sebanyak 36 eufemisme yang digunakan dalam kalangan masyarakat Melanau Dalat berdasarkan konsep penggunaan dan pengkategorian eufemisme Allan & Burridge (1991). Data yang terkumpul terdiri daripada konsep kematian, kemarahan, ketakutan, penyakit, jantina, anggota tubuh badan dan kebencian. Sebanyak 3 data eufemisme dari konsep kematian, 6 data eufemisme dari konsep kemarahan, 9 data eufemisme dari konsep ketakutan, 3 data eufemisme dari konsep penyakit, 4 data eufemisme dari konsep jantina, 6 data dari konsep anggota tubuh badan dan 5 data eufemisme dari konsep kebencian. Data eufemisme yang tertinggi terkumpul dari konsep ketakutan manakala data eufemisme yang terendah terkumpul daripada konsep kematian, penyakit dan jantina. Pengkaji tidak dapat mengumpul data eufemisme dari dua lagi konsep lain iaitu konsep merujuk kepada Tuhan dan seks.

#### **4.3 Penganalisisan makna eufemisme Melanau Dalat berdasarkan Semantik Inkuisitif**

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menganalisis makna eufemisme Melanau Dalat menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah pada tahun (2014) dalam buku beliau yang berjudul “Semantik dan Akal Budi Melayu”. Dalam kajian ini, semantik inkuisitif ialah penganalisisan makna eufemisme Melanau Dalat tahap tertinggi sehingga menjangkau ke peringkat akal budi Masyarakat Melanau. Segala maklumat tambahan adalah berdasarkan temu bual bersama informan.

#### 4.3.1 Penganalisan makna eufemisme mengikut konsep kematian

| Bahasa kasar              | Bahasa halus                                                                      | Makna                                                                               |
|---------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|
| <i>Tenanem</i><br>Ditanam | <i>Baai</i><br>Turun                                                              | Dikebumikan                                                                         |
|                           |  |  |

Jadual 10: Makna eufemisme bagi konsep kematian ‘*baai*’

Jadual 10 di atas menunjukkan contoh data eufemisme mengikut konsep kematian yang akan dianalisis menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Bahasa kasar atau biasa yang digunakan pada mulanya ialah *tenanem* atau ditanam kemudian diubah kepada *baai* iaitu turun yang bermakna jenazah dikebumikan di dalam kubur. Contoh ayat yang digunakan ialah “*pukul 12 lalu lien baai*” yang bermaksud “pukul 12 lebih mereka turun”. Semantik skrip atau makna harfiah bagi data tersebut ialah dikebumikan.

*Tenanem* pada tahap semantik resonans bermaksud ditanam atau dikuburkan ialah sebuah perbuatan menguburkan jenazah, mayat atau bangkai haiwan. *Tenanem* dalam masyarakat Melanau boleh digunakan untuk haiwan atau manusia. *Baai* atau turun dalam masyarakat Melanau memberi tiga definisi iaitu dari atas ke bawah, contohnya dari atas gunung turun ke bawah dipanggil *baai*. *Baai* juga memberi makna pergerakan dari satu titik kepada satu titik yang lebih rendah seperti turun dari atas ke bawah. Misalnya, masyarakat Melanau turut menggunakan *baai* menunjukkan perbuatan turun dari rumah ke jeti. Hal ini demikian kerana rumah masyarakat Melanau di kawasan Dalat kebanyakannya berada di tepi sungai dan sebelum kemudahan air dan elektrik ada, mereka mandi di sungai yang dibuat sendiri oleh setiap pemilik rumah. Setiap rumah yang berada di tepi sungai akan ada jeti sendiri. Mereka akan *baai* ke jeti sekiranya ingin mandi, membuang air kecil atau membuang air besar.

Pada tahap semantik inkuisitif pula, perkataan *baai* merujuk kepada sebuah kata kerja di mana perbuatan atau aktiviti sesuatu itu turun dari satu titik kepada titik yang lebih rendah dapat digambarkan sama seperti situasi atau keadaan jenazah yang dikebumikan sedalam enam kaki di dalam tanah dari permukaan tanah. Maklumat ini mencakupi mengapa *baai* atau diturunkan digunakan sebagai eufemisme dikebumikan dari sudut geografi. Selain itu, rumah asli kaum Melanau yang tinggi pada suatu masa dahulu membuatkan perkataan *baai* digunakan untuk dikebumikan kerana perbuatan membawa jenazah ketika menuruni tangga adalah sama seperti keadaan menurunkan jenazah ke dalam liang lahad. Ini dapat dilihat di Kampung Budaya Sarawak yang terletak di Kuching. Mengikut budaya orang Melanau di kawasan kajian, jenazah yang akan dikebumikan dibawa turun dari dalam rumah ke kawasan pejalan kaki, kemudian dibawa turun lagi dari kawasan pejalan kaki ke atas tanah. Tujuannya adalah untuk memudahkan individu-individu yang mengangkat keranda untuk bergerak bersama kerana kawasan pejalan kaki di kawasan kajian sangat kecil lebarnya. Keranda atau jenazah kemudian dibawa turun ke jeti untuk dibawa ke kawasan tanah perkuburan. Semua pergerakan membawa jenazah ini masih menggunakan *baai* sehinggalah turun ke dalam liang lahad. Pada tahap analisis semantik inkuisitif in, yakni untuk merungkaikan akal budi Melanau pula, maka persoalan yang berkaitan dengan 'kenapa ungkapan *baai* digunakan dan bukannya *tenanem* untuk merujuk konsep kematian? Sebenarnya, penggunaan ungkapan eufemisme *baai* ini yang merujuk konsep kematian adalah berkaitan domain penghormatan yang menggambarkan akal budi masyarakat Melanau yang begitu menghormati kewujudan dan keadaan sesuatu makhluk termasuklah manusia. Jika penggunaan *tenanem* digunakan untuk menyatakan cara jenazah dikebumikan sudah pasti gambaran yang diberikan adalah kasar kerana maksud perkataan *tenanem* itu seerti dengan *ditanam* dalam Bahasa Melayu yang merujuk. Kebiasaannya penggunaan ungkapan *tenanem* in adalah merujuk perbuatan memasukkan jenazah ke dalam lubang dan menimbus dengan timbunan tanah yang seolah-olah sama perbuatannya dengan menimbus atau menanam bangkai haiwan yang mati. Jadi penggunaan *tenanem* until menyatakan maksud 'dikebumikan' adalah dianggap kurang elok dalam masyarakat Melanau Dalat khususnya kerana masyarakat in amat menghormati jenazah tersebut Dan juga untuk menjaga perasaan ahli keluarga si mati yang telah kehilangan ahli keluarga. Jelaslah bahawa akal budi masyarakat Melanau Dalat ini amat tinggi pengamatannya dalam menjaga perasaan atau emosi sesama masyarakat Dan dalam Masa yang sama penggunaan bentuk eufemisme dalam konsep kematian ini adalah sebagai Cara penghormatan terhadap kewujudan sesama manusia.

#### 4.3.2 Penganalisan makna eufemisme mengikut konsep kemarahan

| Bahasa kasar            | Bahasa halus                                                                       | Makna                                                                               |
|-------------------------|------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|
| <i>Lalu</i><br>Melampau | <i>Luluih</i><br>Longgar                                                           | Celupar                                                                             |
|                         |  |  |

Jadual 11: Makna eufemisme bagi konsep kemarahan ‘*luluih*’

Jadual 11 di atas menunjukkan data eufemisme Melanau Dalat berdasarkan konsep kemarahan yang akan dianalisis menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Pada tahap semantik skrip, contoh data yang diberikan ialah *luluih* atau longgar pada awalnya disebut *lalu* atau melampau yang bermakna celupar. Contoh ayat yang diberikan pula ialah “*luluih singen sau mujun*” yang bermaksud “longgar sahaja mulutnya”.

Pada tahap semantik resonans, *lalu* atau melampau bermaksud perbuatan atau sifat yang menjangkau batas atau tidak dapat terhalang manakala *luluih* atau longgar pula bermaksud keadaan seluar yang longgar, peranan perempuan jatuh, dan buasir bagi masyarakat Melanau. Jadi jika menggunakan perkataan *luluih* dalam masyarakat ini mempunyai banyak makna berbeza jika digunakan dalam konteks yang berbeza-beza.

Jika dilihat dari teori semantik inkuisitif, perkataan *luluih* atau sifat longgar sendiri sudah menggambarkan sesuatu yang tidak ketat atau mudah tercabut menunjukkan sesuatu objek itu sendiri tidak rapi atau tidak teguh sama seperti kata-kata yang keluar dari mulut-mulut tanpa ditahan-tahan. Apa yang ada di dalam pemikiran seseorang penutur keluar begitu sahaja tanpa ditapis. Jika dilihat dari sudut budaya, masyarakat Melanau menggunakan perkataan *luluih* hanya untuk seluar, kain batik, peranan perempuan, buasir dan mulut yang celupar. Orang-orang tua sering memberi nasihat kepada anak-anak muda dengan nasihat seperti “*kak makat bareng baat*

*naah luluih*” yang bermaksud “jangan angkat barang berat nanti longgar”. Nasihat ini sering ditujukan kepada golongan perempuan dengan tujuan agar mereka sentiasa berjaga-jaga menjaga kawasan peranakan. Secara jelasnya, *luluih* ini untuk menggambarkan benda yang negatif atau akan memberi kesan buruk kepada mereka sendiri malah sama juga dengan makna setara iaitu seluar yang longgar akan beri kesan jika tidak memakai tali pinggang. Jika kita lihat lagi, nasihat ini dapat diaplikasikan dalam situasi seseorang yang agak celupar mulutnya agar menjaga kata-kata dengan tujuan mengelakkan seseorang itu menerima akibat bermulut celupar.

| Bahasa kasar          | Bahasa halus                                                                        | Makna                                                                                 |
|-----------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------|
| <i>Degil</i><br>Degil | <i>Linga kanan</i><br>Telinga tempayan                                              | Degil                                                                                 |
|                       |  |  |

Jadual 12: Makna eufemisme bagi konsep kemarahan ‘*linga kanan*’

Jadual 12 di atas menunjukkan analisis bagi data *linga kanan* bagi menggambarkan seseorang yang degil. Bahasa kasar atau biasa digunakan ialah *degil* dan bahasa halus yang digunakan ialah *linga kanan*.

Pada tahap semantik resonans, *degil* bermaksud seseorang yang sukar menerima nasihat atau teguran. *Linga kanan* pula bermaksud telinga tempayan. Telinga tempayan yang dimaksudkan oleh masyarakat ini ialah bahagian yang digunakan untuk memegang tempayan. Bagi masyarakat

ini, individu yang degil ialah individu yang sukar hendak mendengar sesuatu nasihat. Manakala tempayan pula merujuk kepada bekas yang mempunyai pelbagai kegunaan seperti menyimpan air.

Penganalisan pada tahap semantik inkuisitif pula melihat perkaitan antara individu degil dengan telinga tempayan. Jika kita melihat dalam peribahasa melayu, individu degil atau keras kepala digelar mempunyai telinga kualiti. Dalam bahasa Melanau, masyarakat ini pula menggunakan tempayan. Kenapa menggunakan tempayan? Ciri fizikal tempayan itu sendiri sudah menunjukkan sangat keras dan sukar untuk pecah. Tambahan pula, cirinya juga tebal dan boleh disamakan dengan keadaan telinga orang degil yang sukar hendak menerima nasihat. Meneliti dari setiap aspek kiasan yang menggunakan objek tempayan ini ialah kiasan Melayu iaitu “mulut tempayan”. Mulut tempayan digunakan untuk menggambarkan seseorang yang tidak tahu menyimpan rahsia. Memetik kata daripada Profesor Dr. Nor Hashimah Binti Jalaluddin pada 15 Julai 2020 yang lalu melalui media sosial *facebook* berkenaan dengan mulut tempayan, beliau menyatakan segala apa bebas keluar dan serapat mana pun rahsia boleh pecah, dan inilah yang disebut mulut tempayan. Bukan itu sahaja, terdapat juga kiasan lain yang menggunakan objek ini. Antara fungsi tempayan yang utama ialah tempat menyimpan air untuk membasuh kaki tetamu yang hendak naik ke rumah dan tempayan ini biasanya diletakkan di bawah tangga. Mana-mana tetamu atau penghuni rumah itu sendiri menggunakan batok untuk mencedok air dari tempayan dengan tujuan membasuh kaki. Peribahasa lain yang menggunakan objek berkaitan tempayan ialah “bagai melepaskan batok di tangga”. Peribahasa ini menggambarkan seseorang yang melakukan kerja dengan tidak sempurna. Berbalik semula kepada telinga tempayan, kita dapat melihat bukan sahaja masyarakat melayu yang menggunakan tempayan sebagai objek dalam kiasan malah masyarakat Melanau turut melakukan benda yang sama. Mendalami keintelektualan masyarakat ini berdasarkan penggunaan eufemisme telinga tempayan, mereka ternyata melihat imej negatif individu dikiaskan dengan objek tempayan dari segi kiasan yang telah lama digunakan oleh masyarakat lain.



| Bahasa kasar             | Bahasa halus                                                                      | Makna                                                                               |
|--------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|
| <i>Saap</i><br>Menyampuk | <i>Belesuwie acin</i><br>Seluang masin                                            | Menyampuk ketika orang tua berbual                                                  |
|                          |  |  |

Jadual 13: Makna eufemisme bagi konsep kemarahan '*belesuwie acin*'

Bagi data ketiga pula, iaitu *belesuwie acin* yang bermaksud seluang masin pada awalnya menggunakan *saap* yang bermaksud menyampuk. Jadi pada tahap semantik skrip, dapat diberikan bahawa makna setara bagi *belesuwie acin* ialah seluang masin.

Pada tahap semantik resonans, *belesuwie acin* bagi masyarakat ini merupakan sejenis ikan bersaiz kecil dan biasanya bergerak dalam kumpulan. *Saap* pula merujuk kepada sikap individu yang terus menjawab kata-kata orang lain walaupun belum habis lagi bicara orang lain.

Seterusnya, melihat pada tahap semantik inkuisitif, *belesuwie acin* dikaitkan dengan individu yang sibuk atau menyampuk ketika orang tua berbual adalah berikutan ciri yang ada pada ikan tersebut. Ikan *belesuwie acin* merupakan ikan seluang yang hidup dalam air masin dan saiznya sangat kecil. Menurut data dari laman sesawang, ikan ini bersaiz sangat kecil di mana hanya berukuran 5 sehingga 17cm sahaja. Ikan ini turut dikenalpasti dengan habitatnya di kawasan parit-parit atau sungai-sungai kecil dan pergerakan ikan ini laju di dalam air. Menurut informan lagi, ikan ini hanya melompat-lompat sahaja tanpa henti. Melihat secara kasar makna melompat-lompat yang diberikan bukanlah ketika ikan tersebut di dalam air melainkan apabila berada di darat. Ciri ikan tersebut yang hanya melompat-lompat dipadankan dengan orang yang gemar bercakap sahaja

seperti memotong percakapan orang lain. Selain daripada melompat, kelajuan pergerakan ikan ini di dalam air turut boleh dikaitkan dengan kelajuan alat artikulasi individu melontarkan kata-kata, sepertinya dalam keadaan tergesa-gesa. Melihat saiz dan kelajuan pergerakan ikan ini pula, dapat disimpulkan bahawa agak sukar untuk menangkapnya atau mengawalinya. Sama juga seperti individu yang menyampuk ketika orang lain berbual boleh dianggap sebagai perbuatan yang di luar kawalan. Segala kata-kata hanya dilontarkan tanpa mengira siapa yang sedang bercakap. Sepertinya kata-kata itu meluncur laju sahaja. Meninjau daripada aspek lain yang ada pada ikan ini ialah saiz yang kecil dipadankan dengan individu yang selalu menyampuk ketika orang tua berbual iaitu kanak-kanak. Kita jarang sekali melihat atau mendengar individu yang sudah dewasa menyampuk ketika orang lain berbual. Yakni bagi merungkai akal budi masyarakat ini menggunakan eufemisme ikan seluang masin, ternyata mereka melihat ciri fizikal sendiri ikan tersebut dan mengaitkan dengan kelajuan individu untuk menyampuk.

#### 4.3.3 Penganalisan makna eufemisme mengikut konsep ketakutan

| Bahasa kasar                     | Bahasa halus                                                                        | Makna                                                                                 |
|----------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------|
| <i>Dipa pemanen</i><br>Ular sawa | <i>Kain batik</i><br>Kain batik                                                     | Ular sawa                                                                             |
|                                  |  |  |

Jadual 14: Makna eufemisme bagi konsep ketakutan 'kain batik'

Jadual 14 di atas menunjukkan data eufemisme Melanau Dalat berdasarkan konsep ketakutan yang akan dianalisis menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Data pertama yang

akan dianalisis ialah *kain batik* iaitu bahasa halus untuk ular sawa. Bagi analisis pada tahap semantik skrip, *kain batik* ialah ular sawa. Bahasa kasar bagi ular sawa ialah *dipa pamanen*.

Pada tahap semantik resonans pula, *kain batik* menurut masyarakat ini ialah sejenis kain yang diguna ramai lebih-lebih bagi kaum wanita atau para suri rumahtangga. *Dipa pamanen* pula merupakan nama sebenar bagi gelaran ular sawa dalam Bahasa Melanau Dalat. Bagi mereka, ular ini merupakan pemangsa yang membunuh dengan membelit mangsa.

Pada tahap semantik inkuisitif, kenapa ular sawa dikiaskan menjadi kain batik? Meninjau daripada aspek sains dan logik, kita melihat corak yang ada pada kulit ular dan kain batik adalah sama. Jika kain batik dalam keadaan basah dan digulung di satu tempat, mana-mana individu yang melihat pasti tidak dapat membezakan antara kain batik dengan ular sawa sebenar. Berdasarkan data capaian laman sesawang, pengkaji mengenalpasti bahawa nama bagi ular sawa ialah ular sawa batik dan merupakan penjerut dan kurang menyerang manusia. Bererti, pemangsa ini akan menyerang haiwan seperti kucing, ayam dan lain-lain. Nama saintifiknya pula ialah *reticulatus* dalam bahasa Latin bermaksud seperti jaring dan memberi makna corak warna yang kompleks. Menurut informan, agak berbahaya jika menyebut nama haiwan tersebut secara terang-terangan kerana bimbang dia mendengar dan muncul pada masa yang sama. Menyebut nama ular ini secara terang-terangan di kawasan habitatnya adalah sangat ditegah dalam masyarakat ini seperti di hutan terutamanya. Hal ini demikian kerana petempatan masyarakat ini adalah di kawasan yang berdekatan dengan hutan dan sungai serta haiwan ini sering muncul di kawasan mereka. Pernah juga berlaku di kampung tersebut di mana kucing dan ayam dibelit seterusnya ditelan oleh ular tersebut. Oleh sebab itulah penggunaan eufemisme bagi ular sawa wujud bagi mengelakkan perkara sedemikian berlaku. Mendalami akal budi masyarakat ini, mereka mengambil inisiatif dengan menggunakan kain batik sebagai eufemisme kepada ular berikutan corak yang sama pada kulit ular tersebut serta pada kain.

| Bahasa kasar         | Bahasa halus                                                                      | Makna                                                                               |
|----------------------|-----------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|
| <i>Baya</i><br>Buaya | <i>Kayo paman</i><br>Kayu buruk hanyut                                            | Buaya                                                                               |
|                      |  |  |

Jadual 15: Makna eufemisme bagi konsep ketakutan '*kayo paman*'

Seterusnya, data kedua yang akan dianalisis, ialah buaya pada asalnya *baya* kemudian diperhalus menjadi *kayo paman* atau batang kayu buruk yang hanyut di dalam sungai. Kita sering mendengar masyarakat melayu menggelar buaya dengan gelaran sang bedal dan masyarakat Sarawak menggelar buaya dengan bujang senang berikutan ada sejarah berkenaan gelaran tersebut. Pada tahap semantik skrip atau makna harfiah sahaja, *kayo paman* bermaksud buaya.

Pada tahap semantik resonans pula, buaya bagi masyarakat ini merupakan sejenis reptilia berbahaya dan merupakan pemangsa serang hendap yang memiliki habitat di dalam air. Manakala *kayo paman* atau kayu hanyut pula merupakan batang pokok yang telah buruk dan hanyut dibawa arus sungai. Selalunya, batang pokok ini dihanyutkan dari kawasan hulu ke kawasan hilir. Sekiranya ada batang kayu yang masih elok dan sesuai saiznya, penduduk akan mengambil untuk dijadikan kegunaan seperti jeti.

Pada tahap semantik inkuisitif pula, jika kita lihat persamaan kedua-dua benda ini merupakan benda yang ada di dalam air. Seterusnya, keadaan fizikal yang hampir sama juga dimiliki oleh kedua-dua benda ini seperti lebar dan panjang yang sama. Bukan itu sahaja, posisi serang hendap buaya yang memerhati mangsa turut menyerupai imej kayu yang ditenggelami air. Kembali semula kepada data pertama iaitu ular sawa yang turut disebut menggunakan bahasa halus kerana agak berbahaya, maka buaya juga dilakukan demikian. Kebiasaannya, masyarakat ini sangat menegah daripada menyebut buaya secara terang-terangan kerana bimbang dia akan muncul terutamanya ketika berada di jeti atau di dalam perahu. Sekiranya seseorang terlepas menyebut “buaya” maka dia perlu meludah ke dalam sungai. Kenapa perlu meludah? Meludah ini seumpama membuang semula perkara yang telah disebut iaitu “buaya”. Jadi sebab inilah,

masyarakat Melanau mengambil keputusan untuk menggantikan buaya dengan *kayo paman* berikutan imej dan saiz yang lebih kurang sama ketika terapung dan menghendap mangsa. Bukan masyarakat ini sahaja yang melihat buaya seperti kayu malah dapat dilihat oleh masyarakat lain dari berita-berita dalam talian seperti <https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20180911/282703342987230>. Maka dengan ini dapat dilihat daya intelektual mereka meletakkan kayu sebagai bahasa halus kepada buaya berikutan saiz dan imej yang hampir berbeza serta warna yang gelap dan sukar dikenalpasti.

| Bahasa kasar            | Bahasa halus                                                                        | Makna                                                                                 |
|-------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------|
| <i>Kujem</i><br>Terpaku | <i>Manok wok pireng adeng</i><br>Burung hantu dibaling arang                        | Diam seribu bahasa                                                                    |
|                         |  |  |

Jadual 16: Makna eufemisme bagi konsep ketakutan '*manok owk pireng adeng*'

Pengkaji turut melihat data ketiga dari aspek ketakutan untuk dianalisis iaitu *manok owk pireng adeng*. Bagi analisis pada tahap pertama iaitu semantik skrip, *manok owk pireng adeng* bermaksud seseorang yang diam seribu bahasa.

Pada tahap semantik resonans, *kujem* ialah situasi di mana seseorang itu terlalu terkejut, terpaku atau terpana. *Manok owk pireng adeng* pula bagi masyarakat ini ialah burung hantu yang dibaling dengan bara api. Manakala *adeng* di sini pula bermaksud bara api yang bersifat panas dan terhasil daripada pembakaran.

Pada peringkat semantik inkuisitif, penggunaan burung hantu dalam konsep ketakutan bagi menggambarkan seseorang yang diam seribu bahasa sahaja sudah dapat kita lihat perkaitannya. Mana tidaknya, sebut sahaja nama burung hantu pasti imej hantu terlintas dalam fikiran masing-masing. Nama saintifik burung hantu dalam Bahasa Melanau bukan sahaja *manok owk*, malah *manok amou* turut digunakan untuk menggambarkan haiwan ini. Meninjau dari aspek sains, haiwan ini muncul pada waktu malam, membuat bunyi bising dan menyeramkan. Setiap individu yang mendengar bunyi burung ini pasti akan meremang bulu romanya, jadi tidak hairanlah bagi mereka untuk membaling bara api ke arah burung ini dengan harapan burung ini berhenti menghasilkan bunyi. Bara api bersifat panas apabila terkena kulit, pasti semua akan terdiam atau menjerit seketika. “Kalau tidak ada angin, masakan pokok bergoyang” sama juga seperti burung ini, kalau takda sebab kenapa dia dibaling dengan bara api? Jika kita imbau semula, kebanyakan penduduk yang menempati di kawasan berdekatan dengan hutan akan memburu pada waktu malam. Mungkin bunyi yang dihasilkan oleh burung tersebut mengganggu konsentrasi mereka untuk memburu jadi untuk mengelakkan dia berbunyi maka bara api dibaling ke arah dia. Kenapa bara api? Kita tahu cuaca pada waktu malam lebih sejuk berbanding pada waktu siang jadi dapat dikaitkan bahawa pemburu tadi memanaskan badan dengan membuat unggun api. Bara api daripada unggun api yang digunakan untuk membaling ke arah burung hantu. Apabila tidak mahu kejadian yang sama berulang kembali, maka dia mengambil keputusan untuk berhenti berbunyi. Situasi ini juga boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian manusia, apabila seseorang individu itu sudah cukup menjengkelkan atau mengganggu seseorang maka apabila ditempelak dia akan berhenti bercakap bagi mengelakkan ditempelak sekali lagi. Apabila ditempelak, individu tersebut bukan sahaja berasa malu dan takut malah terkedu dengan sebab tidak menyangka kejadian tersebut berlaku. Meneliti akal budi masyarakat ini, perkaitan burung hantu dengan individu yang membisu ialah mereka mengaitkan dengan haiwan yang dekat dengan mereka serta aktiviti mereka iaitu pemburuan.

| Bahasa kasar                     | Bahasa halus                                                                       | Makna                                                                               |
|----------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|
| <i>Debei gap</i><br>Tidak cantik | <i>Bulan kinah raong</i><br>Bulan dimakan gerhana                                  | Hodoh                                                                               |
|                                  |  |  |

Jadual 17: Makna eufemisme bagi konsep ketakutan '*bulan kinah raong*'


Data keempat melalui Jadual 17 yang akan dianalisis ialah *bulan kinah raong* yang bermaksud bulan dimakan gerhana. Bahasa yang agak kasar digunakan ialah *debei gap* yang bermaksud hodoh. Pada tahap semantik skrip, *bulan kinah raong* ini bermaksud seseorang yang tidak cantik terutamanya perempuan.

Pada tahap semantik resonans, *bulan kinah raong* bagi masyarakat Melanau ialah situasi di mana gerhana bulan berlaku. Manakala *debei gap* yang bermaksud hodoh pula menggambarkan seseorang yang kurang cantik atau tidak cantik rupanya. Masyarakat Melanau menggunakan *gap* terhadap kedua-dua jantina lelaki dan perempuan.

Menggunakan pendekatan semantik inkuisitif pula, jika kita lihat dengan lebih teliti keadaan bulan penuh terlihat sangat terang dan ramai menggemari situasi sedemikian. Tetapi, apabila wujudnya gerhana, bentuk bulan yang bulat terang bercahaya berubah menjadi tidak bulat dan tidak sempurna pada mata manusia. Melihat menggunakan pendekatan sains, gerhana bulan berlaku apabila cahaya matahari yang memancar ke bulan ditutup oleh bumi dan menyebabkan hanya sedikit daripada cahaya terkena bulan lalu menghasilkan gerhana bulan. Menurut informan lagi, bulan yang bulat sepenuhnya merupakan bulan yang cantik tetapi apabila gerhana mula menutupi sedikit sahaja maka terlihatlah cela sama seperti rupa manusia yang tidak cantik dan ini menyebabkan seseorang yang tidak cantik digambarkan seperti bulan dimakan gerhana. Tambahan pula, masyarakat ini menggunakan kiasan *bulan limah beleh* yang bermaksud bulan lima belas bagi menggambarkan seseorang yang cantik. Bulan lima belas ini bermaksud bulan penuh. Jadi tidak hairanlah apabila bulan tidak penuh atau berlaku gerhana maka seseorang itu dianggap hodoh.

Perkaitan bulan dengan tahap kecantikan individu dalam eufemisme ini memperlihatkan akal budi masyarakat yang meletakkan bulan sebagai objek utama dalam mengukur kecantikan mereka.

#### 4.3.4 Penganalisan makna eufemisme mengikut konsep penyakit

| Bahasa kasar                       | Bahasa halus                                                                      | Makna                                                                              |
|------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------|
| <i>Buyak nak</i><br>Terkena buatan | <i>Tekeih pangai</i><br>Terkena angin                                             | Santau                                                                             |
|                                    |  |  |

Jadual 18: Makna eufemisme bagi konsep penyakit '*tekeih pangai*'

Jadual 18 menunjukkan data eufemisme Melanau Dalat berdasarkan konsep penyakit yang akan dianalisis menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Data yang akan dianalisis ialah *tekeih pangai* atau terkena angin pada awalnya disebut *buyak nak* atau terkena buatan. Pada tahap semantik skrip, *tekeih pangai* ini bermakna santau atau terkena santau.

Pada tahap semantik resonans pula, *buyak nak* atau terkena buatan ini bermaksud perbuatan sihir yang dilakukan dengan tujuan tertentu daripada seseorang kepada individu lain. *Tekeih pangai* atau terkena angin pula bermaksud seseorang yang terkena tiupan angin di mana maksud ini menggambarkan makna sebenar ayat dan maksud kedua pula seseorang yang terkena buatan orang lain.

Pada tahap semantik inkusitif pula, jika dilihat dengan lebih teliti, perkataan “terkena” sendiri sudah memberi maksud tertimpa sesuatu manakala angin pula bermaksud udara yang bergerak-gerak hasik tiupan angin atau hembusan dari arah tertentu. Angin turut digunakan bagi



menggambarkan khabar contoh kata yang sering kita dengar ialah “khabar angin” di mana ini menunjukkan sesuatu berita yang belum sah lagi kesasiannya namun ada ura-ura. Angin meliputi banyak jenis seperti ribut badai, angin sepoi-sepoi bahasa sama seperti *tekeih pangai* ialah benda yang kita pasti ada tetapi tidak tahu jenis. Mungkin santau yang terkena pada seseorang itu teruk, sedang-sedang atau sedikit sahaja. Menurut informan, penggunaan *tekeih pangai* sebagai bahasa halus berbanding *buyak nak* adalah untuk menyembunyikan identiti si pelaku kerana tiada bukti untuk menyatakan hal tersebut namun masing-masing mengetahui perkara tersebut berlaku cuma angkara siapa tidak dikemukakan. Sekiranya identiti pelaku dapat diketahui, masih juga penggunaan eufemisme ini diamalkan bagi menjaga aib si pelaku. Dari penggunaan eufemisme ini kita dapat melihat akal budi masyarakat ini di luar jangkaan kerana bukan sahaja menggunakan sesuatu yang halus untuk menggambarkan perbuatan jahat, malah bahasa halus yang digunakan juga masih lagi menyembunyikan identiti si pelaku. Ini membuktikan mereka bukan sahaja menjaga kehalusan ketika berbahasa malah turut menjaga aib masing-masing.

#### 4.3.5 Penganalisan makna eufemisme mengikut konsep jantina

| Bahasa kasar                   | Bahasa halus                                                                        | Makna                                                                                 |
|--------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------|
| <i>Mentaik</i><br>Berbadan dua | <i>Pechei</i><br>Berisi                                                             | Mengandung                                                                            |
|                                |  |  |

Jadual 19: Makna eufemisme bagi konsep jantina ‘*pechei*’

Jadual 19 di atas menunjukkan data eufemisme Melanau Dalat berdasarkan konsep jantina yang akan dianalisis menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Data yang akan dianalisis ialah *pechei* atau berisi di mana pada awalnya disebut *mentaik* atau berbadan dua. Pada tahap semantik skrip atau makna setara, *pechei* membawa makna seorang perempuan yang mengandung.

Pada tahap semantik resonans pula, *mentaik* atau berbadan dua memberi makna perempuan yang mempunyai bayi di dalam rahimnya. *Pechei* pula memberi maksud tumbuhan berbuah di dalam tanah yang mula berisi. Selain itu *pechei* turut digunakan untuk menggambarkan seseorang yang sudah bertambah isinya.

Pada tahap semantik inkuisitif pula, *pechei* bahasa Melanau Dalat merujuk kepada tumbuhan berbuah di dalam tanah yang mula berisi seperti ubi kayu dan lobak putih. Tumbuhan ini kita tidak dapat lihat isinya kerana berada di dalam tanah, tetapi kita pasti bahawa ada buahnya. *Pechei* ini dikaitkan dengan perempuan mengandung kerana kita sudah pasti bahawa seseorang itu mengandung walaupun tidak terlihat dengan nyata dari luaran melainkan bentuk rahim yang mula membesar. Menurut informan lagi, *pechei* digunakan untuk orang mengandung kerana isi bagi badan individu tersebut bertambah. Penggunaan isi dalam konteks ini bermaksud bayi yang ada di dalam rahim. Mengapa isi dikaitkan dengan bayi? Hal ini demikian kerana *chei* dalam bahasa Melanau Dalat merujuk kepada isi iaitu isi yang ada di sebalik kulit badan manusia atau mana-mana benda hidup terutamanya haiwan. Bagi individu yang tidak mengandung akan menganggap bahawa kata tersebut menggambarkan bahawa dirinya semakin berisi. Daya keintelektualan masyarakat ini yang mengambil kira dari setiap aspek untuk menggambarkan individu mengandung dengan tumbuhan berisi di dalam tanah memberi imej bahawa mereka sangat memntingkan unsur alam dalam penghasilan eufemisme. Bukan sahaja unsur alam seperti tumbuhan tersebut, malah makanan ruji mereka pada masa dahulu iaitu ubi kayu. Ini menunjukkan mereka tidak meninggalkan perkara atau benda lama yang sudah wujud di sekeliling mereka untuk menggambarkan sesuatu yang baru malah mereka menerapkan melalui penggunaan unsur tersebut dalam eufemisme.

| Bahasa kasar | Bahasa halus                                                                      | Makna                                                                               |
|--------------|-----------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|
| -            | <i>Samalah telur kenulit</i><br>Seperti telur dikulit                             | Putih dan halus                                                                     |
|              |  |  |

Jadual 20: Makna eufemisme bagi konsep jantina '*samalah telur kenulit*'

Seterusnya data kedua yang ditunjukkan berdasarkan Jadual 20 ialah *samalah telur kenulit*. Pada peringkat semantik skrip, kita melihat bahasa halus *samalah telur kenulit* ialah bagi menggambarkan keadaan kulit seseorang yang putih dan halus.

Pada peringkat semantik resonans pula, *samalah* memberi makna sama seperti manakala *teluh kenulit* pula bererti telur yang dikulit atau dikupas bagi masyarakat ini. Informan tidak menyatakan secara spesifik telur apa yang digunakan tapi pengkaji mengaplikasikan telur yang memang diketahui ramai iaitu telur ayam. *Kenulit* pula bererti sesuatu yang dikupas atau dibuang kulitnya bagi masyarakat ini.

Penganalisan pada tahap semantik inkuisitif, meninjau dari sudut logik dan telur ayam yang sudah dikulit menunjukkan isi telur ayam yang licin dan putih. Sangat jarang melihat telur ayam yang berwarna lain selain daripada warna putih melainkan telur yang diawet iaitu telur padi. *Samalah telur kenulit* ini digunakan untuk telur yang sudah dimasak atau direbus, bukan yang digoreng. Menurut informan lagi, bahasa halus ini lebih digunakan untuk golongan perempuan atau bayi.

#### 4.3.6 Penganalisan makna eufemisme mengikut konsep anggota tubuh badan

| Bahasa kasar | Bahasa halus                                                                      | Makna                                                                              |
|--------------|-----------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------|
|              | <i>Samalah mata ngau</i><br>Seperti mata kucing                                   | Boleh melihat dalam gelap                                                          |
|              |  |  |

Jadual 21: Makna eufemisme bagi konsep anggota tubuh badan '*samalah mata ngau*'

Jadual 21 di atas menunjukkan data eufemisme Melanau Dalat berdasarkan konsep anggota tubuh badan yang akan dianalisis menggunakan pendekatan teori semantik inkuisitif. Data yang akan dianalisis ialah *samalah mata ngau* yang bermaksud seperti mata kucing. Bermula dari tahap semantik skrip iaitu pemberian makna setara menunjukkan bahawa *samalah mata ngau* merujuk kepada seseorang yang boleh melihat dalam gelap.

Pada tahap semantik resonans, *samalah mata ngau* bagi masyarakat ini memberi gambaran dengan menyamakan mata seseorang dengan mata kucing. *Samalah* merupakan ayat singkatan bagi *sama alah* yang bermaksud sama seperti. Mata merupakan organ penting bagi deria penglihatan. Kucing pula merupakan haiwan jinak yang sering dijadikan sebagai belaan.

Pada tahap semantik inkuisitif pula, penggunaan mata kucing untuk menggambarkan seseorang yang dapat melihat dalam gelap adalah berikutan faktor visual kucing itu sendiri. Bukan sahaja mampu melihat dengan lebih baik pada waktu malam, malah kucing turut memiliki ruang penglihatan yang lebih meluas iaitu sebanyak 200 darjah jika dibandingkan dengan manusia iaitu 180 darjah sahaja. Kucing merupakan seekor haiwan belaan yang paling digemari ramai dan memiliki penglihatan yang sangat baik pada waktu malam. Jadi tidak hairanlah kiasan ini digunakan bagi menggambarkan seseorang yang mampu melihat dengan baik pada waktu malam. Menurut informan lagi, penggunaan kucing dalam bahasa halus ini berikutan haiwan merupakan haiwan yang sangat dekat dengan manusia. Mana tidaknya, rata-rata surirumah memilih untuk membela kucing sebagai peneman mereka di rumah. Penggunaan bahasa halus ini dapat dilihat

daam contoh ayat yang diberikan oleh informan, contohnya, “*eee, kenah kawak nyin makau lian padem, samalah mata ngau singen, de bak plitak,*” bermaksud “eee boleh juga dia berjalan dalam gelap, sama seperti mata kucing, tak pakai lampu. Mengapa kucing digunakan sebagai eufemisme bagi seseorang yang dapat melihat dalam gelap? Jawapan kepada soalan ini menunjukkan bahawa masyarakat ini masih lagi mengambil kira setiap aspek yang ada pada kucing itu sendiri iaitu haiwan paling dekat dengan manusia dan haiwan yang ternyata mempunyai visual malam yang sangat bagus. Yakni kita dapat melihat dengan jelas akal budi mereka dipengaruhi oleh objek atau benda yang ada di sekeliling dan dekat dengan diri mereka.

#### 4.3.7 Penganalisan makna eufemisme mengikut konsep kebencian

| Bahasa kasar                            | Bahasa halus                                                                         | Makna                                                                                 |
|-----------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------|
| <i>Tupek tlepon</i><br>Memegang telefon | <i>Micit bedeg</i><br>Memicit ikan empelasi                                          | Bermain telefon bimbit<br>terlalu lama                                                |
|                                         |  |  |

Jadual 22: Makna eufemisme bagi konsep kebencian ‘*micit bedeg*’

Jadual 22 di atas menunjukkan data eufemisme Melanau Dalat berdasarkan konsep kebencian. Data yang akan dianalisis menggunakan pendekatan semantik inkuisitif ialah *micit bedeg* iaitu memicit sejenis ikan empelasi atau ikan laga. Semantik skrip bagi *micit bedeg* ialah memegang telefon atau bermain telefon bimbit dalam tempoh masa yang lama.

Pada tahap semantik resonans, *tupek tlepon* bagi masyarakat Melanau Dalat ialah situasi di mana seseorang bermain telefon dalam jangka masa yang lama. Jika diterjemahkan secara kasar, *tupek tlepon* bererti menekan telefon tetapi bukan bermakna ini memberi tekanan terhadap telefon tetapi maksudnya bermain telefon. *Micit bedeg* pula bagi masyarakat Melanau ialah situasi di mana

seseorang memicit ikan iaitu ikan empelasi. Tujuan memicit ikan ini adalah untuk mengeluarkan isi perut ikan atau membersihkan ikan.

Pada tahap semantik inkuisitif pula, penggunaan *micit bedeg* bagi individu yang bermain telefon dalam jangka masa yang lama ialah situasi di mana jangka masa yang digunakan adalah lebih kurang sama kerana kedua-dua aktiviti ini mengambil masa yang lama. Kebanyakan ibu bapa menggunakan eufemisme ini bertujuan untuk menegur anak-anak yang terlalu leka atau lalai dengan telefon pintar. Eufemisme ini digunakan lebih-lebih lagi apabila ibu-bapa terlalu sibuk membuat kerja dan anak-anak tidak membantu mereka. Tambahan pula, majoriti saiz untuk ikan empelasi ini lebih kurang sama dengan saiz telefon pintar masyarakat zaman ini.

| Bahasa kasar                | Bahasa halus                                                                         | Makna                                                                                 |
|-----------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------|
| <i>Maba</i><br>Merah sangat | <i>Padeq tninou</i><br>Udang dibakar                                                 | Muka merah (pemabuk/<br>orang yang dinasihati)                                        |
|                             |  |  |

Jadual 23: Makna eufemisme bagi konsep kebencian '*padeq tninou*'

Data kedua yang dianalisis ialah *padeq tninou* yang bermaksud muka merah. Semantik skrip bagi *padeq tninou* ialah keadaan muka seseorang individu yang kelihatan sangat merah akibat terlalu banyak minum alkohol sehingga mabuk atau muka merah akibat terkesan apabila dinasihati.

Melihat pada peringkat semantik resonans, *padeq* merujuk kepada udang manakala *tninou* merujuk kepada bakar merupakan makanan paling sinonim dalam masyarakat kita lebih-lebih lagi masyarakat ini yang hidup di pesisir sungai. Aktiviti menangkap ikan dan udang umpama rutin seharian dalam hidup mereka. *Maba* pula merujuk kepada keadaan warna merah yang melampau.

*Maba* boleh dikategorikan sebagai bahasa biasa kerana penggunaan *maba* dalam ayat tidak terlalu menyinggung perasaan seseorang ketika mengekspresikan kemarahan penutur.

Pada tahap semantik inkuisitif pula, penggunaan eufemisme *padeq tninou* bagi menggambarkan seseorang yang mukanya sudah menjadi terlalu merah adalah berikutan ciri fizikal yang ada pada udang itu sendiri. Jika dilihat keadaan udang yang sudah dibakar, warna birunya menjadi merah yang terlalu terang, jauh berbeza jika dibandingkan dengan keadaan udang yang sedang dimasak. Sama juga seperti muka seseorang yang berubah menjadi merah apabila dinasihati dan lebih nyata apabila mereka sudah minum alkohol secara berlebihan. Fenomena muka merah akibat alkohol ini disebut *alcohol flush reaction* di mana keseluruhan muka menjadi merah. Melihat akal budi masyarakat ini dengan eufemisme yang digunakan iaitu udang dibakar menggambarkan seseorang yang merah mukanya adalah logik dan bertepatan. Penempatan masyarakat ini di pesisir sungai dan kegiatan mereka ialah menangkap udang tidak menolak pernyataan bahawa mereka menggunakan segala benda yang berada di sekeliling mereka sebagai unsur eufemisme.

| Bahasa kasar                   | Bahasa halus                                                                         | Makna                                                                                 |
|--------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------|
| <i>Pkiwed</i><br>Melintuk-liuk | <i>Selegugai</i><br>Keadaan ulat sagu hendak tumbuh sayap                            | Melentuk liuk                                                                         |
|                                |  |  |

Jadual 24: Makna eufemisme bagi konsep kebencian '*selegugai*'

Jadual 24 menunjukkan data ketiga berdasarkan konsep kebencian yang akan dianalisis ialah *selegugai* iaitu keadaan ulat sagu yang hendak tumbuh sayap. Semantik skrip bagi *selegugai* ialah keadaan seseorang yang melentuk-liuk.

Pada tahap semantik resonans, *selegugai* ialah keadaan bagi ulat sagu yang hendak tumbuh sayapnya. *Pkiwed* pula merujuk kepada situasi di mana sesuatu benda hidup yang melentuk-liuk. *Pkiwed* boleh digunakan untuk ekor haiwan yang bergerak-gerak dan manusia yang bergerak-gerak.

Pada tahap semantik inkuisitif, penggunaan kata *selegugai* bagi menggambarkan seseorang yang melentuk-liuk badannya adalah berikutan gerak tubuh yang sama dengan ulat sagu. Kebiasaannya kita mendengar bahawa rumput yang ditiup melintuk liuk atau meliuk-liuk. Sudah menjadi norma bagi masyarakat ini, apabila sudah selesai menebang batang rumbia, bahagian pucuk rumbia ditinggalkan selama beberapa hari. Kemudian, mereka akan datang semula untuk mencari *ulat mulong*. Keadaan *ulat mulong* yang pada kita lihat saja sudah melintuk-liuk tubuhnya, apatah lagi apabila *selegugai* iaitu hendak tumbuh sayap dan terbang sebagai kumbang. Meneliti dari sudut sains, kitaran hidup haiwan mempunyai peringkat tersendiri dan begitu juga dengan *ulat mulong*. Perubahan peringkat dalam kitaran hidup semestinya menimbulkan ketidakselesaian bagi setiap haiwan ataupun serangga dan inilah yang menyebabkan keadaan mereka seperti tidak pandai duduk diam dan hanya mahu bergerak-gerak. Penggunaan unsur haiwan ini dalam bahasa halus masyarakat ini berlaku kerana *ulat mulong* sudah sinonim atau sebatikan dalam kehidupan mereka, mana tidaknya, sebut sahaja *ulat mulong* pasti orang tahu ini makanan tradisi masyarakat Melanau. Sekali lagi, penggunaan *ulat mulong* ini menunjukkan bahawa akal budi masyarakat ini semasa menghasilkan eufemisme tidak meninggalkan tradisi yang sudah lama wujud dalam kehidupan mereka seperti makanan tradisi ini.



#### 4.4 Perbincangan Kajian

Berdasarkan hasil kajian, pengkaji telah menjawab persoalan kajian iaitu melihat bahasa halus yang ada dalam bahasa Melanau Dalat seterusnya menyenaraikan mengikut konsep dan kategori eufemisme. Hasil kajian turut menjawab persoalan kedua dengan meneliti sudut pemikiran masyarakat ini melalui penggunaan bahasa halus mereka. Jika dilihat, penggunaan bulan sebagai inti utama dalam kiasan atau bahasa halus bagi menggambarkan kecantikan atau kehodohan seseorang turut menggambarkan bahawa masyarakat ini mengambil unsur alam dalam menjaga kehalusan ketika bercakap. Bukan itu sahaja, setelah dianalisis dengan lebih terperinci, setiap unsur yang digunakan semasa penghasilan eufemisme adalah berikutan objek, benda, haiwan atau makanan yang sudah lama sehati dengan diri mereka. Sebagai contohnya, *ulat mulong*. Sebut sahaja *ulat mulong* ramai yang sudah dapat mengagak ini merupakan makanan yang popular dalam kalangan masyarakat Melanau. Ini membuktikan bahawa elemen dalam eufemisme ini diambil berdasarkan imej masyarakat ini sendiri dan inilah akal budi mereka. Menerapkan sesuatu yang menjadi tradisi atau norma iaitu *ulat mulong* sebagai makanan tradisi melalui medium paling penting ketika berkomunikasi iaitu bahasa.

Tidak dinafikan juga bahawa kajian ini mampu mengisi kelompangan kajian-kajian Melanau lain dengan menghasilkan kajian bahasa Melanau yang berkaitan dengan bidang Semantik yang lebih mendalam. Meninjau semula kajian berkaitan bahasa Melanau yang dijalankan tetapi kebanyakannya lebih menjurus kepada bidang sosiolinguistik iaitu kajian kata sapaan dan panggilan dalam masyarakat Melanau oleh Salbia Hassan dan Dayang Sariah Abang Suhai (2016). Satu lagi kajian bidang semantik yang telah dijalankan oleh Dayang Sariah Abang Suhai dan Mary Fatimah Subet (2012) hanyalah pada peringkat homonim iaitu perbandingan ejaan dan sebutan perkataan dengan Dialek Melayu Sarawak. Jadi jelaslah di sini, kajian ini mampu menambahkan lagi kosa ilmu kajian Melanau lebih-lebih lagi Melanau Dalat.

#### 4.5 Rumusan Kajian

Bagi merumuskan bahagian ini, pengkaji melihat sebanyak 36 data eufemisme yang berjaya dikutip daripada dua informan. Menjawab objektif pertama kajian iaitu penggunaan prinsip eufemisme oleh Allan & Burrige (1991), data berdasarkan konsep ketakutan mencatatkan data yang tertinggi dengan 9 data, konsep kemarahan dan anggota tubuh badan sebanyak 6 data, konsep kebencian sebanyak 5 data, konsep jantina sebanyak 4 data dan kematian serta penyakit masing-masing jumlah data kutipan yang sama iaitu 3 data. Sebanyak 15 data yang dipilih dari 7 prinsip eufemisme untuk dianalisis bagi menjawab objektif kedua. Berdasarkan analisis menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif, pengkaji melihat penggunaan unsur alam tidak dapat dipisahkan dengan kehalusan berbahasa. Tidak lupa juga penggunaan unsur makanan yang menjadi tradisi masyarakat ini iaitu *ulat mulong* ternyata memberi keunikan bahasa ini sendiri.

Memetik semula ayat dari kajian Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam dan Remmy Gedat (2017) bahawa “penggunaan eufemisme adalah diwarisi secara turun temurun” ternyata jelas dengan data yang dikutip oleh pengkaji sendiri tidak dapat dikenalpasti maknanya dalam bahasa Melayu. *Menaloq* dan *menajer* kedua-duanya hampir sama dengan diawali mena- tetapi berbeza pada suku kata ketiga. Ini menunjukkan penggunaan kata lama dalam penggunaan bahasa halus menyokong ayat bahawa eufemisme diwarisi secara turun temurun. Unsur kebudayaan juga dapat dilihat diterapkan dalam bahasa halus iaitu bagi menggambarkan ciri seekor ular sawa dengan menggunakan kain batik.

## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji merumuskan secara keseluruhan terhadap kajian yang telah dijalankan. Pengkaji merumuskan dari sudut kaedah kajian yang digunakan, tahap capaian objektif kajian serta hasil kepada kajian yang telah dijalankan.

#### 5.2 Rumusan Kajian

Kajian kualitatif berbentuk kajian lapangan ini ternyata menjawab objektif utama dengan mengemukakan eufemisme yang digunakan oleh masyarakat Melanau Dalat. Selain itu, kajian ini turut mencapai objektif kedua dengan penganalisan menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif. Melihat semula dari aspek perbincangan kajian, pengkaji menyimpulkan dari aspek teori yang digunakan dalam menganalisis data dan implikasi pengaplikasian teori tersebut dalam kajian. Kajian ini turut menepati prosedur kutipan data yang telah dirangka dengan mengaplikasikan 9 konsep penggunaan dan pengkategorian eufemisme berdasarkan teori Allan & Burridge (1991). Penganalisan data sehingga menjangkau tahap akal budi penutur yang menggunakan pola persoalan “mengapa” pula ternyata membantu menjayakan kajian ini. Pengkaji memilih untuk menemu bual informan yang berasal dari Kampung Bungan Besar dan Kampung Tanam bagi membantu pengkaji dalam mengumpul data eufemisme ini. Informan perempuan berumur 55 tahun manakal informan lelaki berumur 56 tahun.

Hasil daripada analisis data yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa masyarakat ini sangat menitikberatkan segala aspek di sekeliling mereka melalui elemen atau unsur yang digunakan dalam eufemisme. Hal ini terbukti dengan banyak penggunaan benda hidup seperti tanaman, haiwan seperti kucing, ikan, udang, itik malah makanan yang melambangkan masyarakat ini sendiri iaitu *ulat mulong*. Bukan itu sahaja, malah masyarakat ini nyatanya turut mementingkan tabu ketika berbahasa iaitu dengan meletakkan eufemisme kepada binatang-binatang liar seperti ular dan buaya. Bagi masyarakat ini sendiri, mereka percaya sekiranya berada di kawasan yang adanya binatang buas tersebut, mereka akan mendengar nama mereka disebut.

### 5.3 Implikasi kajian

Kajian ini memberi impak yang besar dalam bidang kajian Melanau terutamanya dalam bidang kajian linguistik. Berdasarkan sorotan kajian-kajian lepas, pengkaji telah mengelaskan kajian-kajian lepas yang berpandukan kajian linguistik Melanau, Semantik Inkuisitif, eufemisme serta kajian budaya Melanau. Meninjau daripada skop kajian yang lebih besar iaitu kajian budaya Melanau, majoriti kajian tersebut melihat aspek penyakit atau cara penyembuhan. Seterusnya kajian linguistik Melanau pula, lebih kepada bidang fonetik, fonologi, dan sosiolinguistik. Kajian fonetik dan fonologi Melanau ini dijalankan di Belawai, Mukah dan Daro. Pengkaji melihat kelompangan di sini iaitu kekurangan kajian di kawasan Dalat maka pengkaji mengambil inisiatif untuk mengisi kelompangan ini. Implikasi kajian yang dijalankan ini ialah menambah kajian bidang Melanau di bahagian Dalat. Seterusnya pengecilan skop kajian kepada kajian bidang semantik Melanau pula. Pengkaji menjumpai kajian homonim yang melihat perbandingan antara Dialek Melayu Sarawak dengan Bahasa Melanau. Ini menunjukkan kajian bidang semantik ini bukan sepenuhnya mengenai Bahasa Melanau. Selain itu, kajian Semantik Inkuisitif pula hanya melihat dari sudut peribahasa Melayu dan Tamil. Berdasarkan sorotan kajian ini, pengkaji mengambil kesempatan untuk melakukan analisis Semantik Inkuisitif dengan melihat dari sudut eufemisme pula. Bukan itu sahaja, pengkaji turut mendapat ilham untuk melakukan kajian semantik inkuisitif terhadap eufemisme Melanau ini hasil cetusan idea daripada sorotan kajian eufemisme berkaitan kematian dan eufemisme Iban di Serian.

Pengkaji mendapati kajian ini memberi implikasi besar dengan menambah kosa ilmu kajian Melanau terutamanya di kawasan Dalat. Semakin banyak kosa ilmu kajian di kawasan ini, maka semakin banyak yang akan tahu penempatan masyarakat Melanau di Sarawak. Kajian ini turut memberi manfaat dengan mendedahkan ilmu baharu kepada masyarakat lain yang mementingkan kehalusan ketika berbahasa dengan masyarakat di kawasan ini. Bukan itu sahaja, malah mereka juga mampu melihat akal budi penutur ini sendiri dengan hasil analisis menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif. Pengkaji turut mendapati bahawa hanya sedikit sahaja daripada kajian yang mampu dianalisis sehingga dapat melihat akal budi penutur.

## **5.4 Cadangan Kajian**

Pengkaji berpendapat bahawa kajian ini boleh ditambah baik dengan menambah lagi informan agar data yang dikumpul semakin banyak. Semakin banyak data, semakin banyak sumber yang boleh dianalisis sehingga dapat mencapai akal budi penutur. Kajian ini juga boleh ditambah baik dengan melihat pula unsur peribahasa dalam bahasa Melanau seterusnya membuat analisis menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif. Pengkaji turut berpendapat kemungkinan besar analisis berkaitan peribahasa Melanau akan memberi gambaran akal budi penutur dengan lebih jelas. Selain itu, cadangan terhadap kajian yang akan datang adalah dengan meneliti penggunaan eufemisme dalam setiap upacara seperti penyembuhan orang sakit, perkahwinan, kematian dan adat merisik serta banyak lagi. Bukan itu sahaja, jika kajian yang dijalankan adalah di kawasan Dalat, pengkaji akan datang bolehlah membuat perbandingan dengan kajian yang dilakukan di kawasan lain pula seperti Mukah, Daro dan lain-lain.

## **5.5 Kesimpulan**

Selaras dengan implikasi daripada kajian ini, pengkaji berharap agar akan lebih banyak kajian berkaitan dengan bahasa Melanau dijalankan kelak. Ini akan memudahkan pengkaji membuat kajian pada masa akan datang dengan adanya kosa ilmu yang semakin meluas. Tuntasnya, kajian ini memaparkan penggunaan bahasa halus oleh masyarakat Melanau Dalat. Semoga kajian ini mampu menjadi panduan generasi muda pada masa akan datang dan memudahkan mereka untuk memahami adat ketika berbahasa dengan kaum yang berbeza tanpa mengguris perasaan mana-mana pihak. Hal ini demikian kerana saya percaya bahawa eufemisme berperanan penting dalam mewujudkan suasana hormat-menghormati antara penutur (Hamidah Abdul Wahab et al. (2016, p. 54)) kerana kita percaya setiap kata yang dituturkan memberi imej kepada seseorang individu.

## Rujukan

- Dayang Sariah Abang Suhai & Mary Fatimah Subet. (2012). Homonim antara Dialek Melayu Sarawak dan Bahasa Melanau. *Issues in Language Studies*, 1(1), 15-21.
- Habibu Morsili, Karim Harun & Azrizan Abu Bakar. (2017). Language Choice of Melanau Community in Daro District, Sarawak. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(10), 249-254.
- Hamidah Abdul Wahab, Imran Ho Abdullah, Mohamed Azlan Mis & Khazriyati Salehuddin. (2016). Analisis eufemisme kematian masyarakat Melayu Sarawak. *Journal of Language Studies*, 16(2), 53-71.
- Intan Zarina Puji et al. (2014). Analisa terhadap adat dan keistimewaan masyarakat Melanau di Sarawak. *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah Ethnicity: Multidisciplinary perspective*.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Marina Kawi & Dayang Sariah Abang Suhai. (2018). Inventori Fonem Vokal Dialek Melanau Rajang (Belawai). *Trends in Undergraduate Research*, 1(1), 16-23.
- Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam & Remmy Gedat. (2017). Eufemisme dalam bahasa Iban: satu kajian kes di Kampung Lebor, Serian, Sarawak. *Borneo Research Journal*, 11, 87-105.
- Norfazila Ab. Hamid & Rahim Aman. (2016). Varian Melanau Sarawak: Tinjauan di Melanau Mukah. *Jurnal Melayu*, 15(1), 99-112.
- Nuraidar Agus. (2012). Bentuk eufemisme dalam pertuturan bahasa Bugis. *Sawerigading*, 18(1), 25-34.
- Nur Afiqah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Deria rasa dalam kiasan Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Seminar Linguistik Kebangsaan (SLik2015)*, 1-11.
- Paul Beavitt (2006). Melanau Sickness Images: Spirits Given Physical Form. *Interfaces* 26, 95-102.
- Rahim Aman, Norfazila Ab. Hamid & Shahidi Abdul Hamid. (2015). Rekonstruksi Vokal dan Diftong Bahasa Melanau Purba. *Journal of Language Studies*, 15(1), 189-206.
- Salbia Hassan & Dayang Sariah Abang Suhai. (2007). Kata sapaan dan panggilan dalam bahasa Melanau: satu kajian preliminari. *Conference paper*, 1-25.
- Tangaprabu Murthy, Mary Fatimah Subet & Muhammad Zaid Daud. (2018). Kajian Semantik Inkuisitif dalam peribahasa Tamil: imej tumbuhan. *Sains Humanika*, 11(1), 73-80.
- Yakup Mohd. Rafee, Awangko Hamdan Awang Arshad, Hishamuddin Siri, Abdul Riezal Dim & Mohd Jeffri Samaroon. (2017). Bilum: A cultural object of the Pagan Melanau. *Journal of Engineering and Applied Sciences*, 12(5), 6968-6973.